

UNDANG-UNDANG BRUNEI

EDISI SEMAKAN 1984

PENGGAL 133

KESELAMATAN DALAM NEGERI

SUSUNAN BAB-BAB

Bab **BAHAGIAN I**

PERMULAAN

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

**SYARAT-SYARAT AM BERHUBUNG DENGAN KESELAMATAN
DALAM NEGERI**

Penggal I

Kuasa-Kuasa Tahanan Kerana Keselamatan

3. Kuasa untuk memerintahkan tahanan.
4. Perintah Tahanan boleh digantung.
5. Penyampaian Perintah Tahanan.
6. Laporan Lembaga Penasihat.
7. Kuasa untuk memanggil saksi.
8. Ahli Lembaga Penasihat dianggap sebagai pegawai kerajaan.
9. Pemberitahuan maklumat.
10. Kuasa untuk memerintahkan pemindahan.
11. Kuasa untuk memerintahkan supaya dihadapkan orang tahanan.
12. Pengecualian berkaitan dengan pendakwaan orang-orang yang ditahan.

Penggal II

Kawalan Hiburan-hiburan dan Pertunjukan-pertunjukan

13. Kuasa untuk mengkehendaki maklumat.
14. Kuasa untuk mengenakan syarat-syarat.
15. Pengajur, dsb., hendaklah hadir semasa diadakan hiburan atau pertunjukan.
16. Kuasa untuk melarang hiburan-hiburan atau pertunjukan-pertunjukan tertentu.
17. Kuasa-kuasa memasuki dan menyiasat.
18. Penggeledahan.
19. Kuasa-kuasa merampas.
20. Kuasa-kuasa menutup.
21. Tanggungan majikan terhadap perbuatan-perbuatan pekerja.
22. Bersubahat dan hukuman.

Penggal III

Kuasa-kuasa lain bagi pencegahan perbuatan subversif

23. Kuasa berhubung dengan perlantikan-perlantikan.
24. Kuasa untuk menutup sekolah-sekolah atau institusi-institusi pelajaran.
25. Kuasa-kuasa berhubung dengan murid-murid, dsb., yang melawat Negara Brunei Darussalam.

Penggal IV

Rampaian

26. Percubaan-percubaan untuk melakukan kesalahan-kesalahan dan membantu pesalah-pesalah.
27. Subahat dan hukuman am.
28. Penangkapan.
29. Penguatkuasaan bon-bon.

BAHAGIAN III

SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN KAWASAN-KAWASAN KESELAMATAN

Penggal I

Kawasan-kawasan Keselamatan

30. Pemasyhuran kawasan-kawasan keselamatan.

Penggal II

Kuasa-kuasa berhubung dengan pemeliharaan keselamatan awam

31. Kawasan-kawasan bahaya.
32. Kawasan-kawasan terkawal.
33. Tempat terkawal.
34. Penyingkiran orang-orang.
35. Perintah berkurung.
36. Kuasa untuk mengambil milik tanah atau bangunan-bangunan.
37. Kuasa untuk memerintahkan pemusnahan bangunan-bangunan tertentu yang tidak didiami.
38. Kuasa untuk mengawal jalan raya-jalan raya, dsb.
39. Kuasa untuk merampas beras dan makanan lain.

Penggal III

Kesalahan-kesalahan berhubung dengan kawasan-kawasan keselamatan

40. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan senjata-senjata api, peluru dan bahan-bahan peledak.
41. Bergaul dengan orang-orang yang membawa atau memiliki senjata-senjata api atau bahan-bahan peledak.
42. Bekalan-bekalan.
43. Kegagalan untuk melaporkan kesalahan-kesalahan atau memberi maklumat.
44. Percubaan melakukan kesalahan-kesalahan dan membantu pesalah-pesalah.
45. Subahat dan hukuman am.

Penggal IV

Kuasa-kuasa Polis dan lain-lain

46. Penangkapan.
47. Kuasa-kuasa menggeledah.
48. Kuasa untuk meniadakan inkues.
49. Pegawai-pegawai Perubatan dari pasukan-pasukan keselamatan hendaklah dianggap sebagai pegawai-pegawai perubatan bagi maksud-maksud inkues.

Penggal V

Am

50. Pampasan.
51. Pemakaian Bab 94 dari Kanun Hukuman Jenayah.
52. Perluasan hak mempertahankan diri.

Penggal VI

Peraturan-peraturan

53. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN IV

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

54. Kesalahan-kesalahan yang membolehkan tangkapan dan jaminan.
55. Kuasa untuk menahan orang-orang yang disyaki.
56. Penggunaan senjata-senjata yang boleh menyebabkan kematian dalam melakukan penangkapan-penangkapan.
57. Penerimaan pernyataan-pernyataan sebagai keterangan.
58. Pemeriksaan buku-buku bank.
59. Pelupusan harta.
60. Bidangkuasa Mahkamah Majistret.
61. Sekatan ke atas pendakwaan.
62. Penyiaran perintah-perintah.
63. Pengecualian.
64. Pemakaian Bab 34 dari Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am.
65. Pindaan Jadual-jadual.
66. Syarat-syarat Peralihan.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

Satu Akta untuk mengadakan syarat bagi keselamatan dalam negeri bagi Negara Brunei Darussalam, tahanan kerana keselamatan, pencegahan perbuatan sabversif, penindasan kekerasan yang tersusun terhadap orang-orang dan harta di dalam kawasan-kawasan Negara Brunei Darussalam yang ditentukan, dan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya.

13 tahun 1982

Permulaan kuatkuasa : 1hb April 1983. S. 9/83

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Gelaran pendek.

2. (1) Di dalam Akta ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

Tafsiran.

“lembaga penasihat” bermakna sesebuah lembaga penasihat yang ditubuhkan di bawah bab 5(3) ;

“peluru” bermakna peluru bagi sebarang senjata api seperti yang ditakrifkan selepas ini dan termasuk bom-bom tangan, bom-bom dan lain-lain peluru lontar sama ada atau tidak boleh digunakan dengan sesuatu senjata api seperti itu dan sebarang peluru yang mengandungi atau direkabentuk atau disesuaikan untuk mengandungi sebarang benda cair yang membahayakan, gas atau benda lain ;

“Pesuruhjaya Polis” termasuk seseorang Timbalan Pesuruhjaya Polis dan sesiapa jua pegawai polis yang diwartakan yang pada masa itu diberi kuasa yang sah di sisi undang-undang untuk menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atas Pesuruhjaya Polis oleh Akta ini ;

“kawasan terkawal” bermakna mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan terkawal di bawah bab 32 ;

“kawasan berbahaya” bermakna mana-mana kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan berbahaya di bawah bab 31 ;

“dokumen” termasuk sebarang bahan di atas mana ada dicatatkan apa jua perkara, sama ada dengan huruf-huruf, angka-angka, tanda-tanda, bergambar atau gambaran lain, atau dengan lebih dari salah satu dari cara-cara ini ;

“hiburan” bermakna apa jua permainan, sukan, perhiburan, konsert atau apa jua jenis hiburan terhadap mana orang ramai boleh masuk atau dimaksudkan boleh memasukinya dan dalam mana orang ramai boleh mengambil bahagian atau tidak, sama ada dengan bayaran atau tidak ;

“pameran” termasuk tiap-tiap pertunjukan barang-barang, buku-buku, gambar-gambar, filem-filem atau makalah-makalah terhadap mana orang ramai boleh masuk atau dimaksudkan boleh memasukinya, sama ada dengan bayaran atau tidak ;

“ubat bedil” —

(a) bermakna serbuk ubat bedil, nitroglycerine, dynamite, kapas-meriam, serbuk pemecah, fulminate of mercury atau lain-lain logam, api berwarna dan tiap-tiap benda lain, sama ada atau tidak serupa dengan benda-benda yang tersebut di atas, digunakan atau dibuat dengan tujuan hendak menghasilkan kesan-kesan dengan jalan letupan atau kesan-kesan bunga api ; dan

(b) termasuk alamat kabus tebal, bunga api dan mercun, sumbu-sumbu, roket-roket, percussion caps, detonators, cartridges, semua jenis peluru dan tiap-tiap penyesuaian atau persediaan sesuatu letupan seperti yang ditakrifkan di atas ; dan

(c) termasuk apa jua bahan untuk membuat bahan peledak dan apa jua alat, mesin, perkakas atau bahan yang digunakan atau dimaksudkan akan digunakan

atau disesuaikan bagi menyebabkan atau membantu menyebabkan sebarang letupan di dalam atau dengan sebarang bahan peledak, dan mana-mana bahagian dari sebarang alat, mesin atau perkakas sedemikian ;

“senjata api” bermakna sebarang jenis senjata berlaras yang boleh menyebabkan kematian dari mana sebarang tembakan, peluru atau lain-lain peluru lontar boleh dilepaskan atau yang boleh disesuaikan bagi melepaskan sebarang tembakan, peluru, atau lain-lain peluru lontar sedemikian dan apa jua jenis senjata yang direkabentuk atau disesuaikan untuk melepaskan sebarang benda cair yang membahayakan, gas atau lain-lain benda, dan termasuk sebarang bahagian yang melengkapkan mana-mana senjata seperti yang disebutkan tadi ;

“kesalahan terhadap Akta ini” termasuk sesuatu kesalahan terhadap apa jua peraturan-peraturan yang diperbuat di bawah bab 53 ;

“pegawai memerintah sesebuah Daerah Polis” bermakna pegawai yang dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas jawatan itu dan manakala pegawai sedemikian tidak boleh kerana ketiadaan, keuzuran atau lain-lain hal untuk melaksanakan tugas-tugasnya, bermakna pegawai polis yang ada dan menjalankan tugas di Daerah Polis yang di bawah pangkat selepas pegawai yang dilantik seperti yang disebutkan tadi ;

“pasukan polis” mempunyai makna yang sama seperti yang di dalam Akta Pasukan Polis, dan termasuk —

Penggal 50.

(a) Pasukan Polis Sukarela Brunei, atau mana-mana bahagian daripadanya, semasa menjalani tugas ; dan

(b) apa jua pasukan polis tambahan atau khas yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa, atau mana-mana bahagian dari mana-mana pasukan sedemikian, semasa menjalani tugas ;

“pegawai polis” bermakna mana-mana anggota dari pasukan polis ;

Penggal 51.

“pegawai penjara” mempunyai makna yang sama seperti yang di dalam Akta Penjara ;

“penganjur” mengenai dengan sesuatu hiburan atau pameran yang dianjurkan oleh sesebuah persatuan, termasuk setiausaha dan pegawai-pegawai persatuan itu dan, mengenai dengan sesebuah persatuan yang ditubuhkan atau mempunyai ibu pejabatnya di luar Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawaiannya di Negara Brunei Darussalam bagi persatuan itu ;

“tuan punya” termasuk pemiliknya, penyewa atau orang lain yang memiliki atau mengawali bangunan-bangunan dan sesiapa jua yang menerima bayaran terhadap penggunaan bangunan-bangunan ;

“tempat terkawal” bermakna mana-mana tempat atau kawasan berkaitan dengan mana sesuatu perintah di bawah bab 33 adalah berkuatkuasa ;

“tempat awam” termasuk sebarang lebuhraya, jalan raya, taman persiaran atau kebun bunga awam, sebarang pantai, sungai, terusan air, jambatan raya, lorong, jalan rentas, medan, lapangan, jalan kecil atau pelaluan, sama ada boleh dilalui atau tidak, sebarang tanah Kerajaan, sebarang panggung wayang atau tempat hiburan awam jenis apa pun jua atau lain-lain tempat kunjungan umum ke tempat mana kebenaran masuk adalah diperolehi dengan bayaran atau ke tempat mana orang ramai dibolehkan masuk, dan sebarang tempat lapang (sama ada tertutup atau tidak) ke tempat mana pada masa itu orang ramai dibolehkan atau dibenarkan masuk, sama ada dengan bayaran atau tidak ;

“jalan raya” bermakna sebarang lebuhraya awam atau sebarang jalan di atas mana orang ramai berhak melaluinya atau dibenarkan masuk, dan termasuk tiap-tiap jalan, jambatan, pelaluan, jalan rentas atau medan di atas mana orang ramai berhak melaluinya atau dibenarkan masuk ;

“kawasan keselamatan” bermakna mana-mana kawasan bersabit dengan mana sesuatu pemasyhuran di bawah bab 30 adalah pada masa itu berkuatkuasa ;

“pasukan keselamatan” bermakna pasukan polis, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, mana-mana pasukan bersenjata Negara Brunei Darussalam yang lain pada masa itu, atau mana-mana pasukan melawat yang ada pada masa itu di Negara Brunei Darussalam dengan kuatkuasa sebarang undang-undang bertulis atau dengan kuatkuasa apa jua susunan yang sah yang dibuat oleh atau bagi pihak Negara Brunei Darussalam ;

“bekalan-bekalan” termasuk peluru, bahan-bahan peledak, senjata-senjata api, wang, makanan, minuman, pakaian, ubat-ubatan atau apa jua barang persediaan lain, alat-alat, barang-barang keperluan, benda-benda atau barang-barang apa pun jua ;

“penganas” bermakna sesiapa jua yang —

(a) dengan menggunakan sebarang senjata api, bahan peledak atau peluru melakukan sesuatu dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri atau menghasut untuk melakukan kekerasan atau menasihatkan supaya ingkar kepada undang-undang atau kepada mana-mana perintah yang sah ;

(b) membawa atau ada pada miliknya atau di bawah kawalannya sebarang senjata api, peluru atau bahan peledak tanpa kebenaran yang sah terhadapnya ; atau

(c) menuntut, memungut atau menerima apa jua bekalan bagi kegunaan sesiapa jua yang bertujuan atau kira-kira akan melakukan, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan, dengan cara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri.

(2) Apa jua sebutan di dalam Akta ini mengenai sesebuah kenderaan (bagaimana pun diuraikan), kapal atau pesawat terbang tidaklah termasuk apa jua kenderaan, kapal atau pesawat terbang yang pada masa itu dipergunakan bagi maksud-maksud mana-mana pasukan keselamatan.

BAHAGIAN II

SYARAT-SYARAT AM BERHUBUNG DENGAN
KESELAMATAN DALAM NEGERI

Penggal I

Kuasa-kuasa Tahanan Kerana Keselamatan

Kuasa untuk
memerintah-
kan tahanan.

3. (1) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuashati berkenaan dengan sesiapa jua bahawa, dengan tujuan untuk mencegah orang itu daripada melakukan sesuatu dengan apa jua cara yang mendaangkan mudarat kepada keselamatan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada pemeliharaan ketenteraman dalam negeri atau perkhidmatan-perkhidmatan mustahak di dalamnya, adalah perlu berbuat demikian, maka Menteri boleh membuat sesuatu perintah —

(a) mengarahkan supaya orang itu ditahan selama sebarang tempoh yang tidak melebihi 2 tahun ; atau

(b) bagi semua atau mana-mana dari maksud-maksud yang berikut, iaitu :—

(i) bagi mengenakan ke atas orang itu sekatan-sekatan yang mungkin ditentukan dalam perintah itu berkaitan dengan kegiatan-kegiatannya dan tempat-tempat kediamannya serta pekerjaannya ;

(ii) bagi melarangnya berada di luar rumah di antara waktu yang mungkin ditentukan dalam perintah itu, kecuali di bawah kuasa sesuatu kebenaran bertulis yang diberikan oleh kuasa itu atau orang yang mungkin ditentukan demikian ;

(iii) bagi mengkehendakinya supaya memberitahu pergerakannya menurut cara pada masa dan kepada pihak berkuasa atau orang sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam perintah itu ;

- (iv) bagi melarangnya dari memberi ucapan di perjumpaan awam atau dari menyandang jawatan di dalam, atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan atau menjalankan tugas sebagai penasihat kepada mana-mana pertubuhan atau persatuan, atau dari mengambil bahagian dalam apa jua kegiatan politik ;
- (v) bagi melarangnya dari pergi keluar sempadan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian daripadanya sebagaimana yang ditentukan dalam perintah itu kecuali menurut kebenaran yang telah diberikan kepadanya oleh pihak berkuasa atau orang yang mungkin ditentukan dalam perintah itu,

dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah perenggan (b) hendaklah bagi selama tempoh, yang tidak melebihi 2 tahun, sebagaimana yang mungkin ditentukan di dalamnya, dan boleh dengan perintah sedemikian dikehendaki supaya disokong dengan sesuatu bon.

(2) Menteri boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mengarahkan supaya tempoh mana-mana perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) disambung bagi sesuatu tempoh atau tempoh-tempoh selanjutnya yang tidak melebihi 2 tahun pada satu-satu masa.

(3) Bagi maksud-maksud ceraian (1) “perkhidmatan-perkhidmatan mustahak” bermakna apa jua perkhidmatan, perniagaan, perdagangan, perusahaan, perkilangan atau pekerjaan yang termasuk dalam Jadual I.

(4) Tiap-tiap orang yang ditahan menurut sesuatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1)(a) atau menurut sesuatu arahan yang diberikan di bawah ceraian (2) hendaklah ditahan di sesuatu tempat yang Menteri boleh mengarahkan (selepas ini disebut sebagai “tempat tahanan”) dan menurut arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Menteri dan mana-mana aturan-aturan yang dibuat di bawah ceraian (5).

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan aturan-

aturan membuat syarat bagi pemeliharaan dan pengendalian mana-mana tempat tahanan dan bagi tatatertib orang-orang yang ditahan di dalamnya.

(6) Dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraian (5) dan dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang di dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, aturan-aturan yang dibuat di bawah ceraian (5) boleh mengadakan syarat —

(a) bagi perlantikan oleh Menteri seorang Pegawai Penjaga tempat-tempat tahanan dalam Negara Brunei Darussalam dan beberapa Pengusa dan Timbalan Pengusa serta pegawai-pegawai rendah bagi tempat-tempat yang Menteri mungkin memikirkan perlu ;

(b) bagi perlantikan oleh Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan seorang pegawai perubatan dan seorang pegawai pergigian bagi tiap-tiap tempat tahanan ;

(c) bagi tugas-tugas dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai tersebut ;

(d) supaya semua atau mana-mana dari pegawai-pegawai tersebut dianggap sebagai pegawai-pegawai kerajaan dalam bidang makna Kanun Hukuman Jenayah ;

(e) bagi dan mengatur penggunaan apa jua senjata api atau sebarang senjata lain oleh mana-mana pegawai tersebut ;

(f) supaya mana-mana Pengusa boleh membuat dan mengeluarkan perintah-perintah yang akan digelar “Perintah-perintah Tetap” yang tidak bertentangan dengan Akta ini dan aturan-aturan demikian, yang mengatur tatatertib dan pentadbiran mana-mana tempat tahanan ;

(g) supaya sesuatu pelanggaran terhadap mana-mana aturan tersebut oleh mana-mana pegawai rendah adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman yang berikut —

- (i) amaran atau amaran keras ;
- (ii) turun pangkat ;
- (iii) buang kerja atau buang kerja terus ;
- (iv) lucut hak menerima gaji atau tunggakan gaji ;
- (v) tugas-tugas atau kawad tambahan ;
- (vi) bayaran gantirugi bersabit dengan harta Kerajaan yang telah musnah, hilang atau rosak ;

(h) supaya mana-mana Pengusa boleh mengenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam perenggan (g) ke atas mana-mana pegawai rendah yang bersalah melanggar mana-mana aturan sedemikian jika pelanggaran sedemikian menjadikan pegawai rendah itu boleh dikenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman di bawah aturan-aturan sedemikian ;

(i) bagi sesuatu rayuan oleh mana-mana pegawai rendah sedemikian kepada Menteri terhadap sebarang hukuman yang telah dikenakan ke atasnya oleh seseorang Pengusa di bawah apa jua aturan-aturan yang dibuat di bawah perenggan-perenggan (g) dan (h), dan boleh membenarkan Menteri untuk mengurangkan atau mengesahkan hukuman tersebut ;

(j) supaya, jika nampaknya kepada mana-mana Pengusa bahawa kesalahan yang dikatakan telah dilakukan itu biasanya boleh dikenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman dalam bidangkuasanya di bawah aturan-aturan yang dibuat di bawah perenggan-perenggan (g) dan (h) adalah sejenis yang memerlukan hukuman yang lebih berat dari yang ianya berkuasa mengenakan di bawah aturan-aturan sedemikian, Pengusa itu boleh mengarahkan supaya pegawai rendah yang dituduh melakukan kesalahan itu dituduh di hadapan sesebuah Mahkamah Majistret ;

(k) supaya sesebuah Mahkamah Majistret mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan mana-mana pegawai

rendah yang dituduh di hadapan mahkamah menurut mana-mana aturan yang dibuat di bawah perenggan (j), dan supaya mana-mana pegawai rendah sedemikian yang didapati sabit kesalahannya oleh mahkamah menurut aturan sedemikian dan sebarang aturan yang dibuat di bawah perenggan ini boleh dijatuhkan oleh mahkamah salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman yang berikut —

- (i) penjara selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi 6 bulan ;
- (ii) sesuatu denda yang tidak melebihi \$1,000 ; dan
- (iii) berkaitan dengan mana-mana harta Kerajaan yang telah musnah, hilang atau rosak, bayaran gantirugi yang akan ditentukan terus oleh mahkamah dan diperolehi kembali seolah-olah ianya sesuatu denda ;
 - (l) supaya mana-mana pegawai rendah yang disabitkan oleh sesebuah Mahkamah Majistret melakukan sesuatu kesalahan di bawah aturan-aturan sedemikian (selain dari apa jua hukuman yang dikenakan oleh mahkamah itu) dibuang kerja oleh seseorang Pengusa dan supaya seseorang Pengusa boleh memerintahkan supaya semua tunggakan gaji yang sepatutnya dibayar kepada pegawai rendah itu dilucut hak olehnya ;
 - (m) supaya sesuatu pelanggaran terhadap mana-mana aturan sedemikian oleh mana-mana orang tahanan adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman yang berikut —

- (i) amaran atau amaran keras ;
- (ii) kehilangan catuan makanan atau keistimewaan lain selama sesuatu tempoh ;
- (iii) kurungan dalam sesebuah bilik hukuman selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi 90 hari ;

(iv) apa jua hukuman lain (yang bukan hukuman dera) yang mungkin ditentukan dalam apa jua aturan-aturan sedemikian ;

(n) supaya mana-mana Pengusa boleh mengenakan salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman yang dinyatakan dalam perenggan (m) ke atas mana-mana orang tahanan yang telah didapati selepas penyiasatan yang wajar bersalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana aturan sedemikian jika pelanggaran itu menjadikan orang tahanan itu boleh dikenakan di bawah aturan-aturan sedemikian salah satu atau lebih dari hukuman-hukuman ;

(o) supaya sesuatu pelanggaran apa jua aturan sedemikian oleh sesiapa jua boleh dikenakan bilamana disabitkan kesalahan di hadapan sesebuah Mahkamah Majistret hukuman penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$2,000 dan supaya sekiranya pesalah itu seseorang pegawai yang dilantik di bawah atau dengan kuatkuasa aturan-aturan sedemikian dia boleh (selain dari apa jua hukuman yang dikenakan oleh mahkamah itu berkaitan dengan sabit-kesalahan tersebut) dibuang kerja dan dilucutkan hak semua tunggakan gaji ;

(p) bagi menyimpan dan memelihara buku-buku, rekod-rekod dan buku-buku harian di dalam dan bagi tempat-tempat tahanan ;

(q) bagi mengatur catuan makanan orang-orang tahanan ;

(r) bagi pelawat-pelawat kepada dan aduan-aduan dan rayuan-rayuan daripada orang-orang tahanan ;

(s) bagi penahanan dan penjagaan harta alih orang-orang tahanan ;

(t) bagi pemeriksaan orang-orang tahanan, pelawat-pelawat kepada orang-orang tahanan dan pegawai-pegawai rendah, dan supaya tiada sebarang perempuan boleh diperiksa kecuali oleh seseorang pegawai perempuan ;

(u) bagi kerja, gaji dan keistimewaan-keistimewaan orang-orang tahanan ;

(v) supaya seseorang tahanan yang melarikan diri dari sesebuah tempat tahanan atau dari tempat pengurungan lain boleh ditangkap balik dengan cara yang sama seperti seseorang yang telah disabitkan kesalahan jenayah di bawah sebarang undang-undang bertulis boleh ditangkap balik jika melarikan diri ;

(w) bagi pemeriksaan perubatan tempat-tempat tahanan dan orang-orang tahanan yang tersusun dan bagi pemeliharaan, jagaan dan rawatan orang-orang tahanan yang sakit dan yang mengidap penyakit otak ;

(x) bagi perlantikan oleh Menteri mana-mana 2 orang atau lebih untuk membentuk sesebuah Lembaga Pemeriksaan bagi mana-mana tempat tahanan dan bagi tugas-tugas Lembaga tersebut ;

(y) bagi pemeriksaan dan pengurusan semua surat, bungkusan atau barang lain yang diserahkan ke sebuah tempat tahanan untuk seseorang tahanan ;

(z) bagi pengurusan sebarang gaji mana-mana pegawai yang telah dilucutkan hak di bawah aturan-aturan sedemikian ;

(aa) bagi penerusan jawatan di bawah aturan-aturan sedemikian mana-mana pegawai atau Lembaga Pemeriksaan yang telah dilantik berkaitan dengan mana-mana tempat tahanan di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan mana-mana tempat tahanan dan berkuatkuasa sebaik-baik sahaja sebelum berjalannya kuatkuasa Akta ini, dan penerusan kuatkuasa di bawah aturan-aturan sedemikian mana-mana Perintah Tetap atau suratcara lain yang berkuatkuasa, dibuat di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa, sebaik-baik sahaja sebelum berjalannya kuatkuasa itu ; dan

(bb) bagi perkara-perkara lain yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin memikirkan mustahak bagi

pemeliharaan dan pengurusan mana-mana tempat tahanan dan bagi tata tertib orang-orang yang ditahan di dalamnya.

4. Pada bila-bila masa selepas sesuatu perintah dibuat di bawah bab 3(1)(a) atau setelah sesuatu perintah sedemikian disambung oleh sesuatu arahan di bawah bab 3(2) berkaitan dengan mana-mana orang Menteri boleh mengarahkan supaya penguatkuasaan perintah sedemikian digantung tertakluk kepada pelaksanaan sesuatu bon dan syarat-syarat yang —

Perintah
Tahanan
boleh
digantung.

(a) mengenakan ke atas orang itu sekatan-sekatan sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam arahan itu berkaitan dengan kegiatan-kegiatannya dan tempat-tempat kediaman dan pekerjaannya ;

(b) melarangnya dari berada di luar rumah di antara jam-jam sebagaimana yang mungkin ditentukan, kecuali dengan kuasa sesuatu kebenaran bertulis yang diberikan oleh pihak berkuasa atau orang yang mungkin ditentukan demikian ;

(c) mengkehendakinya supaya memberitahu pergerakannya menurut cara pada masa dan kepada pihak berkuasa atau orang yang mungkin ditentukan demikian ;

(d) melarangnya dari pergi keluar sempadan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian daripadanya yang ditentukan dalam arahan itu kecuali menurut kebenaran yang diberikan kepadanya oleh pihak berkuasa atau orang yang mungkin ditentukan demikian ;

(e) melarangnya dari berucap di perjumpaan awam atau dari menyandang jawatan dalam, atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan atau menjalankan tugas sebagai penasihat kepada mana-mana pertubuhan atau persatuan, atau dari mengambil bahagian dalam apa jua kegiatan politik ;

(f) membenarkannya balik ke negeri asalnya atau ke mana-mana tempat lain yang ia ingin pergi dengan syarat Kerajaan tempat tersebut bersetuju menerimanya, se-

bagaimana yang Menteri memikirkan patut ; dan Menteri boleh membatalkan mana-mana arahan sedemikian jika ia berpuashati bahawa orang yang terhadap siapa perintah itu telah dibuat telah gagal mematuhi sebarang syarat sebagaimana yang telah dikenakan atau bahawa adalah menjadi perlu bagi kepentingan awam bahawa arahan sedemikian patut dibatalkan.

Penyampaian
Perintah
Tahanan.

5. (1) Satu salinan tiap-tiap perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah bab 3 (1)(a) hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas ianya dibuat disampaikan kepada orang yang berkenaan.

(2) Bagi maksud-maksud Penggal ini maka hendaklah diadakan sebuah lembaga penasihat atau lebih yang terdiri dari bagi tiap-tiap satu seorang Pengerusi dan tidak kurang dari 3 orang ahli lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Pengerusinya dan 2 orang ahli lain bagi sesebuah lembaga adalah merupakan satu korum.

(3) Sebagai tambahan kepada Pengerusinya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Timbalan Pengerusi siapa hendaklah mempengerusikan sesebuah lembaga pada bila-bila masa apabila Pengerusinya tidak dapat berbuat demikian.

(4) Tugas-tugas mana-mana lembaga penasihat sedemikian ialah untuk menyiasat apabila diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke atas alasan-alasan yang seseorang itu telah ditahan di bawah Akta ini dan setelah membuat penyiasatan tersebut pada mematuhi arahan sedemikian untuk menasihatkan sama ada dan di bawah syarat-syarat apakah perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah bab 3 (termasuk sebarang perintah yang disambung dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 3(2)), hendak dibatalkan atau digantung.

(5) Semua persoalan yang dibincangkan oleh sesebuah lembaga hendaklah diputuskan dengan kelebihan suara undi Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, mengikut mana yang berkenaan, dan mana-mana ahli lain yang hadir dan mengundi. Jika berlaku persamaan undi maka Pengerusi

atau Timbalan Pengurus, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai hak undi pemutus.

6. (1) Bila-bila masa sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengarahkan sesebuah lembaga penasihat di bawah bab 5(4) untuk menyiasat ke atas alasan-alasan yang seseorang itu telah ditahan di bawah Akta ini, maka lembaga penasihat itu hendaklah dalam tempoh 3 bulan dari tarikh arahan sedemikian atau dalam sesuatu tempoh yang mungkin ditentukan dalam arahan sedemikian dan setelah membuat penyiasatan pada mematuhi arahan sedemikian membuat sokongan-sokongan ke atasnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Laporan
lembaga
penasihat.

(2) Setelah menimbangkan sokongan-sokongan lembaga penasihat itu di bawah bab ini maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memberikan Menteri arahan-arahan, jika ada, sebagaimana yang Baginda fikirkan patut mengenai perintah yang dibuat oleh Menteri ; dan tiap-tiap keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadapnya adalah, muktamad, dan tidak tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

7. Tiap-tiap lembaga penasihat hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, tetapi dengan tidak menyentuh bab 9, mempunyai segala kuasa sesebuah mahkamah bagi memanggil dan memeriksa saksi-saksi, mentadbirkan sumpah-sumpah atau pengakuan-pengakuan, dan bagi memaksa dikemukakan dokumen-dokumen.

Kuasa untuk
memanggil
saksi-saksi.

8. Tiap-tiap ahli lembaga penasihat hendaklah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam bidang makna Kanun Hukuman Jenayah, dan adalah mempunyai jika berlaku sebarang tindakan atau dakwaan terhadapnya kerana sebarang perbuatan yang dilakukan atau ditinggalkan dalam melaksanakan tugasnya di bawah Penggal ini hak perlindungan dan keistimewaan yang sama seperti yang diberikan oleh undang-undang kepada seseorang hakim dalam melaksanakan jawatannya.

Ahli lembaga
penasihat
dianggap
sebagai
pegawai
kerajaan.
Penggal 22.

9. Tiada sebarang apa pun di dalam Penggal ini atau di dalam sebarang aturan-aturan yang dibuat di bawahnya

Pemberitahuan
maklumat.

yang mengkehendaki Menteri atau mana-mana ahli sesebuah lembaga penasihat atau mana-mana pegawai kerajaan untuk memberitahu hal-hal atau untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang mana pemberitahuannya atau pengeluarannya itu difikirkannya akan bertentangan dengan kepentingan negara.

Kuasa untuk memerintahkan pemindahan.

10. (1) Menteri boleh dengan perintah mengarahkan pemindahan dari mana-mana tempat tahanan ke sesuatu tempat tahanan lain yang akan ditentukan dalam perintah sedemikian sesiapa jua yang ditahan menurut syarat-syarat Penggal ini.

(2) Sesiapa jua yang sedang di dalam pemindahan di bawah ceraian (1) adalah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah.

Kuasa untuk memerintahkan supaya dihadapkan orang tahanan.

11. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang perintah dari mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa lain apa pun jua dengan bukti yang memuaskan kepadanya bahawa kehadiran di mana-mana tempat bagi mana-mana orang yang ditahan di bawah Penggal ini, atau dalam jagaan yang sah oleh pihak polis atau dikurung dalam mana-mana penjara sama ada di bawah Penggal ini atau di bawah sesuatu perintah mana-mana mahkamah atau lain bagaimana pun jua caranya, adalah dikehendaki —

- (a) bagi kepentingan-kepentingan keadilan ;
- (b) bagi maksud sebarang siasatan awam atau lain ;
- (c) bagi kepentingan negara ; atau
- (d) bagi kepentingan-kepentingan orang yang ditahan, dalam jagaan atau dikurung demikian,

maka Menteri boleh memerintahkan supaya orang itu dibawa ke tempat itu.

(2) Sesiapa jua semasa sedang dibawa ke sesuatu tempat di bawah ceraian (1) dan semasa di tempat itu hendaklah ditahan dalam jagaan sebagaimana yang Menteri boleh mengarahkan dan semasa dalam jagaan sedemikian hendaklah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah.

12. Penahanan mana-mana orang di bawah Penggal ini hendaklah tidak menyentuh sebarang tindakan jenayah diambil terhadap orang itu, sama ada semasa dalam atau selepas tempoh tahanannya.

Pengecualian berkaitan dengan pendakwaan orang-orang yang ditahan.

Penggal II

Kawalan Hiburan-hiburan dan Pertunjukan-pertunjukan

13. (1) Penganjur dan tiap-tiap orang yang terlibat dalam penganjuran apa jua hiburan atau pertunjukan dan tuan punya sebarang bangunan dalam mana apa jua hiburan atau pertunjukan sedemikian diadakan atau dicadangkan akan diadakan hendaklah, apabila menerima perintah bertulis daripada Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri bagi maksud itu, memberikan kepada Menteri atau pegawai tersebut maklumat yang ia mungkin menentukan berhubung dengan perkara-perkara yang berikut —

Kuasa untuk mengkehendaki maklumat.

(a) butir-butir mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan atau pertunjukan sedemikian dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu ;

(b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah bersetuju menyertai atau telah menyertai hiburan atau pertunjukan sedemikian atau telah dipelawa berbuat demikian dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu ;

(c) maksud-maksud terhadap mana sebarang keuntungan dari hiburan atau pertunjukan itu dicadangkan akan atau telah digunakan ; dan

(d) apa jua perkara lain sebagaimana yang Menteri boleh mengarahkan.

(2) Sesiapa jua yang memberikan sebagai maklumat yang benar yang dikehendaki di bawah ceraian (1) yang mana ia tahu atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu atau tidak lengkap adalah bersalah di bawah bab 22.

(3) Jika sebarang hiburan atau pertunjukan berkaitan dengan mana maklumat telah diberikan di bawah ceraian (1) dilakukan dengan apa jua cara yang bertentangan dengan

maklumat sebagaimana yang telah diberikan itu maka orang yang telah memberikan maklumat itu adalah bersalah di bawah bab 22.

Kuasa untuk
mengenakan
syarat-syarat.

14. (1) Menteri boleh, jika ia berpuashati bahawa adalah perlu berbuat demikian supaya memastikan yang sebarang hiburan atau pertunjukan itu bukan hiburan atau pertunjukan terhadap mana bab 16 akan dikenakan, dengan perintah bertulis mengkehendaki penganjurnya dan tiap-tiap orang yang berkenaan dalam penganjuran hiburan atau pertunjukan sedemikian dan tuan punya mana-mana bangunan dalam mana sebarang hiburan atau pertunjukan sedemikian diadakan atau dicadangkan akan diadakan untuk mematuhi syarat-syarat yang berhubung dengan mengadakan hiburan atau pertunjukan sebagaimana yang ia mungkin menentukan.

(2) Tiap-tiap orang yang melakukan sebarang pelanggaran atau gagal mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah ceraian (1) adalah bersalah di bawah bab 22 ;

Dengan syarat bahawa tiada sebarang orang boleh disabitkan kesalahan di bawah bab ini jika ia membuktikan bahawa pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat berkenaan dengan mana ianya dituduh telah dilakukan tanpa kebenaran, persetujuan dan pengetahuannya dan bukan dengan tiada hemat dan cermat yang seperlunya dipihaknya.

(3) Menteri boleh, jika dalam mana-mana perkara yang tertentu ia memikirkannya perlu, menghendaki mana-mana orang berkenaan dengan siapa sesuatu perintah di bawah ceraian (1) telah dibuat untuk mengikat bon, dengan atau tanpa penjamin, dengan jumlah wang yang Menteri mungkin mengarahkan, supaya syarat-syarat yang terkandung di dalam perintah sedemikian hendaklah dipatuhi.

Penganjur,
dsb.,
hendaklah
hadir semasa
diadakan
hiburan atau
pertunjukan.

15. (1) Penganjurnya dan tiap-tiap orang yang terlibat dalam penganjuran sebarang hiburan atau pertunjukan yang menjadi perkara sesuatu perintah di bawah bab 14 dan tuan punya mana-mana bangunan dalam mana sebarang hiburan atau pertunjukan sedemikian diadakan hendaklah masing-

masing, dan sama ada ia sendiri atau oleh seseorang wakil yang dibenarkan bagi maksud itu oleh seseorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat merinyu, hadir di sepanjang tempoh tiap-tiap lakonan atau permainan tiap-tiap hiburan atau pertunjukan.

(2) Menteri boleh dengan secara bertulis mengecualikan sebarang orang sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat-syarat yang Menteri mungkin menetapkan dari syarat-syarat ceraian (1).

16. (1) Menteri boleh dengan perintah melarang diadakan atau boleh mengarahkan penutupan mana-mana hiburan atau pertunjukan jika —

(a) ia berpuashati bahawa hiburan atau pertunjukan sedemikian adalah atau mungkin akan dalam apa jua cara membahayakan kepentingan negara ; atau

(b) telah berlaku berkaitan dengan hiburan atau pertunjukan sedemikian sebarang keengganan atau kegagalan untuk memberi apa jua maklumat yang dikehendaki supaya diberikan di bawah bab 13, atau jika sebarang maklumat yang diberikan itu adalah palsu atau tidak lengkap ; atau

(c) telah berlaku berkaitan dengan hiburan atau pertunjukan sedemikian apa jua pelanggaran atau kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah bab 14.

(2) Penganjur dan tiap-tiap orang yang terlibat dalam penganjuran apa jua hiburan atau pertunjukan yang diadakan atau diteruskan dengan melanggar sesuatu perintah di bawah ceraian (1) dan tuan punya mana-mana bangunan dalam mana pertunjukan sedemikian diadakan adalah bersalah di bawah bab 22 :

Dengan syarat bahawa tiada sebarang orang boleh disabitkan kesalahan di bawah bab ini jika ia membuktikan bahawa hiburan atau pertunjukan berkaitan dengan mana

Kuasa untuk
melerang
hiburan-
hiburan atau
pertunjukan-
pertunjukan
tertentu.

ianya dituduh telah dianjurkan atau diteruskan tanpa kebenaran, persetujuan dan pengetahuannya dan bukan dengan tiada hemat atau cermat yang seperlunya olehnya.

Kuasa-kuasa
memasuki
dan
menyiasat.

17. (1) Mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat merinyu atau sesiapa jua yang diberi kuasa oleh Menteri secara bertulis bagi maksud itu boleh tanpa waran memasuki mana-mana bangunan dalam mana sebarang hiburan atau pertunjukan sedang diadakan atau dicadangkan akan diadakan dengan tujuan untuk memastikan sama ada syarat-syarat dari Penggal ini atau dari mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya adalah dipatuhi, dan boleh membuat penyiasatan dan pemeriksaan ke atas bangunan itu dan meminta mana-mana orang supaya mengemukakan benda-benda, buku-buku, kira-kira, tiket-tiket atau dokumen-dokumen atau barang-barang lain dan supaya memberikan apa jua maklumat sebagaimana yang pegawai atau orang itu mungkin memikirkan perlu bagi maksud sedemikian :

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang tidak beruniform yang dikatakan menjalankan kuasa-kuasa di bawah perenggan ini hendaklah manakala dipinta menunjukkan kebenaran bertulisnya untuk menjalankan kuasa-kuasa itu kepada sesiapa jua yang memintanya dengan sah.

(2) Sesiapa jua yang —

(a) menghalang mana-mana pegawai atau orang yang telah diberi kuasa menjalankan dengan sah sebarang kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah ceraian (1) untuk memasuki atau memeriksa mana-mana bangunan atau melambat-lambatkan pada mengemukakan sebarang benda, buku, kira-kira, tiket atau dokumen atau barang lain yang mana ia telah dipinta oleh pegawai atau orang yang diberi kuasa itu untuk mengemukakan dan yang mana adalah atau sepatutnya dalam perjalanan perniagaan yang biasa dalam kemampuannya untuk mengemukakan ;

(b) enggan memberikan sebarang maklumat yang ia mungkin dikehendaki memberikan oleh pegawai

atau orang yang diberi kuasa atau siapa, apabila dikehendaki memberikan maklumat oleh pegawai atau orang yang diberi kuasa sedemikian, memberikan maklumat yang palsu atau mengelirukan ; atau

(c) menghalang perampasan sebarang dokumen atau barang lain di bawah bab 19, atau penutupan sebarang hiburan atau pertunjukan di bawah bab 20.

adalah bersalah di bawah bab 22.

18. (1) Mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa memasuki atau menyiasat di bawah bab 17 boleh, tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan, memasuki mana-mana bangunan jika ia memikirkannya perlu dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah Penggal ini atau mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya telah dilakukan, dan boleh menggeledah tempat itu dan mana-mana orang yang ia mempercayai dengan munasabah terlibat dalam pengurusan atau penganjuran sebarang hiburan atau pertunjukan atau menjadi pekerja atau wakil penganjurnya atau tuan punya bangunan itu.

Penggele-dahan.

(2) Tiada sebarang perempuan boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seseorang perempuan.

19. Mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa memasuki atau menyiasat di bawah bab 17 boleh merampas apa jua dokumen atau barang lain berkaitan dengan mana ia mempercayai dengan munasabah yang sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Penggal ini atau mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya atau yang ia mempercayai dengan munasabah sebagai atau mengandungi keterangan berhubung dengan kesalahan itu :

Kuasa-kuasa merampas:

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apapun di dalam bab ini boleh dianggap akan menyentuh kuasa-kuasa seseorang pegawai polis di bawah syarat-syarat dari Kanun Peraturan Jenayah.

Penggal 7.

20. Mana-mana pegawai atau orang yang diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa memasuki atau menyiasat

Kuasa-kuasa menutup.

di bawah bab 17 boleh, dengan tidak menyentuh perjalanan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh bab itu, dengan serta-merta mengambil langkah-langkah yang ia mungkin memikirkan perlu untuk menutup sebarang hiburan atau pertunjukan yang ianya berpuashati adalah dibuka dengan melanggar sebarang perintah di bawah bab 14 atau 16.

Tanggungan
majikan
terhadap
perbuatan-
perbuatan
pekerja.

21. Bagi maksud-maksud Penggal ini dan sebarang perintah yang dibuat di bawahnya tiap-tiap orang adalah bertanggungjawab terhadap tiap-tiap perbuatan, peninggalan, kelalaian atau kemungkiran oleh mana-mana wakil atau pekerja yang bekerja dengannya, dengan sepenuhnya dan berkesan seolah-olah perbuatan, peninggalan, kelalaian atau kemungkiran itu telah dibuat atau dilakukan oleh orang itu ; tetapi supaya tiada sebarang apapun di dalam bab ini boleh menyentuh tanggungan wakil atau pekerja itu, dan dengan syarat bahawa tanggungan seseorang majikan itu tidak diperluaskan sehingga hukuman penjara jika ia membuktikan bahawa ia tidak mengetahui tentang kesalahan itu.

Bersubahat
dan
hukuman.

22. Sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat dari Penggal ini atau sebarang perintah yang dibuat atau sebarang syarat yang dikenakan di bawahnya, atau bersubahat dalam pelanggaran atau kegagalan sedemikian, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak \$10,000.

Penggal III

Kuasa-kuasa lain bagi pencegahan perbuatan subversif

Kuasa
berhubung
dengan
perlantikan-
perlantikan.

23. (1) Di dalam bab ini —

“pihak berkuasa yang melantik” bermakna berhubung dengan sesuatu perlantikan mana-mana orang, badan atau pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk membuat perlantikan itu, tetapi tidak termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat atau Menteri ;

“perlantikan” bermakna berhubung dengan pihak berkuasa yang melantik apa jua perlantikan yang pihak

yang berkuasa melantik itu diberi kuasa untuk membuatnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis ; dan

“perlantikan yang dikawal” bermakna sesuatu perlantikan yang pada masa itu tertakluk kepada sesuatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (2).

(2) Dengan tidak menghiraukan apa jua yang bertentangan di dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Menteri boleh dengan perintah menghendaki mana-mana pihak berkuasa yang melantik untuk mematuhi bab ini berhubung dengan sebarang perlantikan.

(3) Sebelum menjalankan sebarang kuasa untuk mengambil mana-mana orang bagi atau membuat sebarang perlantikan yang dikawal pihak berkuasa yang melantik hendaklah —

(a) menghadapkan kepada Menteri

- (i) satu senarai nama-nama orang daripada mana perlantikan itu dicadangkan akan dibuat oleh pihak berkuasa yang melantik itu ; dan
- (ii) apa jua maklumat lain sebagaimana yang Menteri mungkin menghendaki ; dan

(b) memohon dan memperolehi kebenaran bertulis daripada Menteri berkaitan dengan pengambilan dan perlantikan orang yang dipilih oleh pihak berkuasa yang melantik itu bagi pengambilan dan perlantikan sedemikian.

(4) Menteri hendaklah memberi kebenarannya di bawah ceraian (3)(b) melainkan ia berpendapat bahawa perlantikan orang yang dipilih oleh pihak berkuasa yang melantik ke perlantikan yang dikawal berkenaan akan memudaratkan kepentingan-kepentingan Negara Brunei Darussalam.

(5) Sesuatu keputusan Menteri untuk memberi atau enggan memberi kebenarannya di bawah ceraian-ceraian (3)(b) dan (4) adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada rayuan atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

(6) Tiada sebarang pengambilan atau perlantikan yang didakwa terhadap mana-mana orang adalah sah bagi sebarang maksud jika kebenaran awal daripada Menteri telah tidak diperolehi di bawah ceraian-ceraian (3)(b) dan (4) berkaitan dengan orang itu.

(7) Tiada sebarang orang yang menerima, atau memperolehi sebarang pengetahuan mengenai apa jua bahagian kandungan-kandungan, sebarang perutusan daripada Menteri di bawah ceraian-ceraian (3)(b) atau (4) boleh membuat sebarang pemberitahuan, selain dari semasa menjalankan tugas rasminya, kepada mana-mana orang berhubung dengan perutusan itu.

Kuasa untuk
menutup
sekolah-
sekolah atau
institusi-
institusi
pelajaran.

24. (1) Di dalam bab ini —

“sekolah” bermakna —

(a) sesebuah tempat di mana seramai 10 orang atau lebih adalah atau biasanya diajar, sama ada dalam sebuah darjah atau lebih ; atau

(b) mengenai dengan sekolah melalui pos, tempat atau tempat-tempat di mana pengajaran disediakan atau di mana jawapan-jawapan diperiksa atau diperbetulkan,

tetapi tidak termasuk mana-mana tempat di mana pengajarannya adalah semata-mata bercorak keugamaan, atau semata-mata bagi maksud ugama ;

“institusi pelajaran” bermakna mana-mana tempat (termasuk sesebuah sekolah) di mana, dalam menjalankan kerja-kerja mana-mana pertubuhan atau institusi, orang-orang adalah atau biasanya diajar sama ada di dalam sebuah darjah atau lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat di mana pengajarannya adalah semata-mata bercorak keugamaan, atau semata-mata bagi maksud ugama.

(2) Menteri, jika ia berpuas hati pada bila-bila masa bahawa sesebuah sekolah atau institusi pelajaran sedang digunakan —

(a) bagi sesuatu maksud yang membahayakan kepentingan-kepentingan Negara Brunei Darussalam atau orang awam ; atau

(b) bagi maksud pengajaran yang membahayakan kepentingan-kepentingan orang awam atau murid-murid ; atau

(c) sebagai tempat perjumpaan sesebuah persatuan haram,

dan bahawa keadaan-keadaannya menghendaki sedemikian boleh membuat sesuatu perintah menutup sekolah atau institusi pelajaran itu selama sesuatu tempoh, yang tidak melebihi 6 bulan pada satu-satu masa, sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam perintah tersebut.

(3) Pengurus-pengurus atau pengelola-pengelola sebarang sekolah atau institusi pelajaran, yang tidak berpuas hati dengan mana-mana perintah yang telah dibuat di bawah ceraian (2), boleh dalam tempoh satu bulan dari tarikh perintah itu membuat sesuatu bantahan terhadap perintah sedemikian kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan keputusan siapa mengenainya adalah muktamad dan adalah tidak tertakluk kepada rayuan kepada atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

25. (1) Menteri boleh dari masa ke semasa dengan perintah bertulis menegah kecuali dengan kebenaran bertulis di bawah ceraian (2) —

(a) murid-murid, penuntut-penuntut, guru-guru atau ahli-ahli ; atau

(b) apa juar golongan murid-murid, penuntut-penuntut, guru-guru atau ahli-ahli ; atau

(c) sebarang murid, penuntut, guru dan ahli yang dinamakan,

Kuasa-kuasa berhubung dengan murid-murid, dsb., yang melawat Negara Brunei Darussalam.

dari mana-mana sekolah, maktab, institusi pelajaran atau kesatuan atau persekutuan penuntut-penuntut, mengikut mana yang berkenaan yang dinyatakan dalam perintah itu dan terletak atau ditubuhkan di luar Negara Brunei Darussalam untuk memasuki atau membuat perjalanan di dalam Negara Brunei Darussalam sebagai sesuatu kumpulan, atau sebagai salah satu dari sekumpulan seramai 5 atau lebih orang murid, penuntut, guru, atau ahli, atau bagi maksud melaksanakan

sebagai salah satu dari sekumpulan orang-orang itu sesuatu tujuan bersama di dalam Negara Brunei Darussalam, atau dengan cara lain untuk memasuki atau berjalan di dalam Negara Brunei Darussalam.

(2) Pesuruhjaya Polis boleh dengan kebenaran bertulis Menteri memberi kebenaran di bawah ceraian (1) tertakluk kepada syarat-syarat (jika ada) sebagaimana yang ia mungkin memikirkan patut untuk mengenakan, dan ia boleh menghendaki selanjutnya sebagai suatu syarat terdahulu sebelum memberikan kebenaran supaya seseorang murid, penuntut, guru atau ahli kepada siapa ia bercadang akan memberikan kebenaran itu atau bapa atau ibu kepada seseorang murid, penuntut atau ahli atau seseorang lain yang lain yang Pesuruhjaya Polis fikir memuaskan, hendaklah memberikan jaminan dengan cara bon atau cara lain yang Pesuruhjaya Polis mungkin memikirkan memadai untuk menjamin pematuhan dan pemenuhan yang sempurna akan syarat-syarat yang dikenakan itu.

(3) Jika Pesuruhjaya Polis mempunyai sebab untuk mempercayai —

(a) bahawa mana-mana orang —

- (i) adalah seorang murid, penuntut, guru atau ahli yang terlibat oleh sesuatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) ; dan
- (ii) telah memasuki Negara Brunei Darussalam dari sesebuah tempat di luar negeri dan telah tidak sejak tarikh kemasukan itu tinggal terus menerus dalam Negara Brunei Darussalam selama sesuatu tempoh yang melebihi 3 bulan ; dan
- (iii) yang bukan pemegang kad pengenalan yang sah yang menunjukkan alamat dalam Negara Brunei Darussalam dan telah dikeluarkan kepadanya dalam Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat dari mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan kad-kad pengenalan ; dan
- (iv) telah melanggar atau bertujuan akan melanggar syarat-syarat dari mana-mana perintah sedemikian ; atau

(b) bahawa mana-mana orang setelah memperolehi kebenaran bertulis di bawah ceraian (1) telah gagal mematuhi sebarang syarat yang telah dikenakan ke atasnya di bawah ceraian (2) berkaitan dengan kebenaran sedemikian,

maka Pesuruhjaya Polis boleh dengan perintah bertulis —

(c) mengarahkan supaya orang sedemikian dikehendaki meninggalkan Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan dalam perintah tersebut dan selepas itu tinggal di luar Negara Brunei Darussalam selama tempoh 6 bulan daripada tarikh penyampaian perintah tersebut ke atasnya, atau selama tempoh yang kurang dari itu sebagaimana yang Pesuruhjaya Polis boleh menetapkan dalam perintah tersebut ; atau

(d) mengarahkan supaya orang sedemikian dikurung dan, dengan seberapa cepat yang mungkin, diusir dari Negara Brunei Darussalam, dan supaya orang sedemikian boleh ditahan dengan sahnya seberapa lama yang mungkin perlu bagi menguatkuasakan pengusirannya dan supaya ia hendaklah tinggal di luar Negara Brunei Darussalam selama tempoh 6 bulan dari tarikh pengusirannya menurut perintah tersebut.

(4) Sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematuhi syarat-syarat dari mana-mana perintah yang dibuat di bawah bab ini atau yang melakukan kemungkiran terhadap mana-mana syarat yang dikenakan di bawah ceraian (2) adalah bersalah terhadap Bahagian ini.

(5) Syarat-syarat bab ini tidak boleh dikuatkuasakan untuk membenarkan pengusirannya dari Negara Brunei Darussalam sesiapa jua warganegara Negara Brunei Darussalam yang biasanya tinggal di dalam Negara Brunei Darussalam.

Penggal IV

Rampaian

Percubaan-
percubaan
untuk
melakukan
kesalahan-
kesalahan
dan
membantu
pesalah-
pesalah.
Penggal 22.

26. (1) Dengan tidak menyentuh perjalanan kuatkuasa Penggal-Penggal V dan XXIII dari Kanun Hukuman Jenayah, sesiapa jua yang cuba melakukan, atau melakukan sebarang perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini adalah dianggap bersalah melakukan kesalahan itu terhadap Bahagian ini.

(2) Tiada sesiapa pun, yang mengetahui atau yang mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang lain telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini, boleh memberikan orang lain itu sebarang bantuan dengan tujuan yang pemberian bantuan itu akan mencegah, menghalang atau mengganggu penangkapan, perbicaraan atau hukuman orang itu kerana kesalahan itu.

Subahat dan
hukuman
am.

27. Sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematuhi sebarang syarat dari Bahagian ini atau mana-mana perintah yang dibuat atau sebarang arahan atau suruhan yang diberikan atau kehendak yang dikenakan di bawahnya atau bersubahat dalam pelanggaran atau kegagalan sedemikian terhadap mana tidak ada hukuman khas yang dipersyaratkan adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$2,000.

Penangkapan.

28. Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap sesiapa jua yang didapati atau dengan munasabahnya disyaki melakukan atau cuba melakukan atau menyebabkan atau bersubahat dengan mana-mana orang untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini, atau yang disyaki sebagai orang yang diperintahkan supaya ditahan menurut Bahagian ini.

Penguat-
kuasaan
bon-bon.

29. (1) Jika mana-mana orang yang dikehendaki mengikat sesuatu bon di bawah bab 3 (1)(b), 4 atau 14(3), bon sedemikian boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana majistret atas permohonan seseorang pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat merinyu, secara yang sama seperti yang di bawah syarat-syarat dari Kanun Peraturan Jenayah sesebuah

Mahkamah Majistret boleh menguatkuasakan sesuatu bon yang dikehendaki oleh mahkamah tersebut supaya dilaksanakan di bawah syarat-syarat Kanun itu.

Penggal 7.

(2) Tiada sebarang apa pun di dalam bab ini boleh dianggap akan mencegah hukuman atau mana-mana bahagian daripadanya dari mana-mana bon sedemikian dari diperolehi kembali bagi pihak Kerajaan dengan dakwaan atau tindakan di dalam mana-mana mahkamah sivil yang mempunyai bidangkuasa yang layak, daripada orang yang mengikat bon sedemikian atau daripada penjamin-penjaminnya.

BAHAGIAN III

SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN KAWASAN-KAWASAN KESELAMATAN

Penggal I

Kawasan-kawasan Keselamatan

30. (1) Jika pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan keselamatan awam di dalam mana-mana kawasan dalam Negara Brunei Darussalam adalah terganggu atau terancam secara serius yang disebabkan oleh sebarang tindakan yang diambil atau diancam oleh sejumlah besar kumpulan orang, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam, yang akan menyebabkan sebilangan besar rakyat takut akan kekerasan yang tersusun terhadap orang-orang atau hartabenda, maka Baginda boleh, jika difikirkannya perlu bagi maksud menindas kekerasan yang tersusun sedemikian, memasyurkan kawasan tersebut sebagai kawasan keselamatan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

Permasyturan
Kawasan-
kawasan
Keselamatan.

(2) Tiap-tiap pemasyuruan yang dibuat di bawah ceraian (1) adalah dikenakan hanya kepada kawasan yang dinyatakan di dalamnya dan adalah terus berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan :

Dengan syarat bahawa pembatalan sedemikian tidak akan menyentuh apa jua yang telah dilakukan sebelum itu dengan kuatkuasa pemasyhuran tersebut.

(3) Sesuatu pemasyhuran yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah disiarkan dengan cara yang Menteri fikirkan perlu bagi menyampaikannya ke perhatian semua orang yang pada pendapatnya patut mengambil perhatian mengenainya dan adalah berkuatkuasa sebaik-baik sahaja pemberitahuan sedemikian telah diberikan, tanpa siaran dalam *Warta Kerajaan*.

(4) Salinan tiap-tiap pemasyhuran yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dengan seberapa segera yang boleh selepas ianya dibuat.

Penggal II

Kuasa-kuasa berhubung dengan pemeliharaan keselamatan awam

Kawasan-kawasan bahaya.

31. (1) Menteri, jika ia memikirkannya perlu atau berfaedah bagi keselamatan awam untuk berbuat demikian, boleh, dengan perintah mengisytiharkan mana-mana kawasan di dalam sesebuah kawasan keselamatan sebagai kawasan bahaya.

(2) Had-had sempadan dan keluasan tiap-tiap kawasan bahaya hendaklah ditentukan batasnya di tempat kawasan itu dengan cara yang, pada pendapat Menteri, menjadikannya nyata kepada orang-orang di dalam atau di sekitar kawasan yang berkenaan bahawa kawasan sedemikian telah diisytiharkan sebuah kawasan bahaya.

(3) Tiada seseorang pun boleh memasuki atau berada di dalam sesebuah kawasan bahaya, dan sesiapa jua yang gagal mematuhi syarat-syarat ceraian ini adalah bersalah terhadap Bahagian ini :

Dengan syarat bahawa ceraian ini tidaklah dikenakan ke atas seseorang anggota dari mana-mana pasukan keselamatan dalam menjalankan tugasnya, atau ke atas mana-mana orang yang ditemani oleh seseorang anggota tersebut.

(4) Mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan boleh di dalam sesebuah kawasan bahaya mengambil langkah-langkah, termasuk cara yang berbahaya atau mengakibatkan kematian kepada manusia, yang difikirkannya perlu untuk mempastikan supaya tiada sebarang orang yang dilarang memasuki atau berada di sesebuah kawasan bahaya akan memasuki atau berada di dalam kawasan sedemikian.

(5) Tiada sebarang tuntutan jenis apa pun jua boleh dibayar kepada, atau berkaitan dengan sebarang kecederaan yang dialami oleh, mana-mana orang akibat dari ianya telah memasuki atau berada di dalam sesebuah kawasan bahaya dengan melanggar ceraian (3) :

Dengan syarat bahawa ceraian ini tidaklah menahan pemberian pampasan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah bab 53 sekiranya, dalam hal-hal tertentu di bawah mana orang yang mengalami kecederaan itu telah memasuki atau berada di dalam sesebuah kawasan bahaya, pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk memberi pampasan di bawahnya memikirkannya saksama untuk memberikan pampasan sedemikian.

(6) Jika sebarang tanah, bangunan atau harta tak alih terletak di dalam sesebuah kawasan bahaya, maka sesuatu tuntutan bagi mendapatkan pampasan berkaitan dengan tanah, bangunan atau harta lain sedemikian boleh dibuat secara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53.

(7) Dengan tidak menyentuh bab 62(1), satu salinan bagi tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dengan seberapa segera selepas ianya dibuat.

32. (1) Menteri, jika ia memikirkannya mustahak bagi keselamatan awam untuk berbuat demikian, boleh, dengan perintah mengisyiharkan mana-mana kawasan di dalam sesebuah kawasan keselamatan sebagai sebuah kawasan terkawal, dan dalam perintah yang sama atau yang berikut boleh mengisyiharkan mana-mana bahagian tertentu dari kawasan terkawal sedemikian sebagai bahagian kediaman.

Kawasan-kawasan terkawal.

(2) Tiap-tiap perintah sedemikian hendaklah menyatakan —

(a) bahawa setelah tamat sesuatu tempoh yang akan ditetapkan dalam perintah itu (yang mana tidak boleh kurang dari 7 hari dari tarikh perintah itu) dan tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana syarat boleh dibuat dengan perintah yang sama atau sesuatu perintah berikutnya dan tertakluk kepada sebarang syarat dengan mana pengecualian sedemikian boleh diberikan, tiada seorang pun boleh tinggal atau terus tinggal di mana-mana bahagian dari sesebuah kawasan terkawal selain dari sesebuah bahagian kediaman ; dan

(b) bahawa di antara jam-jam atau pada waktu-waktu yang mungkin ditetapkan dalam perintah itu dan tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana syarat boleh dibuat dengan perintah yang sama atau sesuatu perintah berikutnya dan tertakluk kepada sebarang syarat dengan mana pengecualian sedemikian boleh diberikan, tiada seorang pun boleh memasuki atau berada di dalam mana-mana bahagian dari kawasan terkawal itu selain dari sesebuah bahagian kediaman.

(3) Sesiapa jua yang melanggar mana-mana syarat dari sesuatu perintah yang dibuat di bawah bab ini adalah bersalah terhadap Bahagian ini.

(4) Tiada sebarang perintah di bawah bab ini boleh dikenakan kepada —

(a) mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan apabila menjalankan tugasnya ; atau

(b) mana-mana orang atau golongan orang-orang yang dikecualikan dari syarat-syarat perintah sedemikian oleh Pesuruhjaya Polis atau pegawai yang memerintah Daerah Polis.

(5) Dengan tidak menyentuh bab 62(1), satu salinan bagi tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* dengan seberapa segera setelah ianya dibuat.

33. (1) Jika, berkenaan dengan mana-mana tempat atau bangunan di dalam mana-mana kawasan keselamatan, jika pada pendapat Pesuruhjaya Polis menjadi perlu atau mustahak bagi kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam, atau bagi pemeliharaan bekalan-bekalan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang penting kepada keperluan masyarakat, supaya langkah-langkah khas patut diambil untuk mencegah kemasukan orang-orang yang tidak dibenarkan, maka ia boleh dengan perintah mengisyiharkan tempat atau bangunan sedemikian sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Bahagian ini ; dan selagi perintah itu berkuatkuasa, tiada seorang pun boleh, tertakluk kepada sebarang pengecualian terhadap mana syarat boleh dibuat dalam perintah itu, memasuki atau berada di dalam tempat atau bangunan itu tanpa kebenaran pihak berkuasa atau orang yang mungkin ditentukan dalam perintah itu.

Tempat
terkawal.

(2) Jika, pada menurut bab ini, mana-mana orang ada diberi kebenaran berada di dalam sesebuah tempat terkawal, maka orang itu hendaklah, semasa bertindak di bawah kebenaran sedemikian, mematuhi arahan-arahan yang mengatur kelakuannya sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Pesuruhjaya Polis atau oleh pihak berkuasa atau orang yang memberikan kebenaran itu.

(3) Mana-mana pegawai polis, atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh pegawai yang memerintah Daerah Polis itu boleh memeriksa mana-mana orang yang hendak masuk atau cuba memasuki, atau berada di dalam sesebuah tempat terkawal, dan boleh menahan mana-mana orang sedemikian bagi maksud memeriksanya.

(4) Jika mana-mana orang berada di dalam sesebuah tempat terkawal dengan melanggar bab ini, atau, semasa di dalam sesebuah tempat sedemikian, gagal mematuhi apa jua arahan yang diberikan di bawah bab ini, maka ketika itu dengan tidak menyentuh sebarang tindakan yang mungkin diambil terhadapnya, ia boleh diusir dari tempat itu oleh mana-mana pegawai polis atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh penghuni bangunan itu.

(5) Sesiapa jua yang berada di dalam sesebuah tempat terkawal dengan melanggar bab ini atau siapa yang apabila dicabar oleh seseorang pegawai polis dengan sengaja tidak berhenti atau yang enggan dengan menyalahi undang-undang menyerah untuk diperiksa adalah bersalah terhadap Bahagian ini.

(6) Adalah sah bagi Pesuruhjaya Polis untuk mengambil atau menyebabkan supaya diambil langkah-langkah yang ia mungkin menganggapnya perlu bagi perlindungan mana-mana tempat terkawal, dan langkah-langkah itu boleh diperluaskan sehingga pengambilan langkah-langkah pertahanan yang melibatkan atau mungkin melibatkan bahaya kepada nyawa mana-mana orang yang memasuki atau cuba memasuki tempat terkawal itu.

(7) Jika apa jua langkah yang melibatkan bahaya seperti yang disebutkan tadi digunakan, maka Pesuruhjaya Polis hendaklah menyebabkan langkah-langkah mencegah supaya diambil termasuk menunjukkan dengan nyata notis-notis amaran, yang difikirkannya perlu dengan munasabah untuk mencegah kemasukan yang tidak sengaja atau tidak disangka-sangka ke dalam mana-mana tempat terkawal, dan jika langkah-langkah mencegah sedemikian telah pun diambil, maka tiada seorang pun berhak mendapat pampasan atau ganti-rugi berkaitan dengan kecederaan yang dialami atau kematian yang disebabkan akibat dari sebarang kemasukan yang tiada kebenaran ke dalam mana-mana tempat terkawal sedemikian.

(8) Bagi maksud-maksud bab ini “pegawai polis” adalah termasuk —

(a) mana-mana anggota dari mana-mana pasukan keselamatan yang lain ;

(b) mana-mana pegawai penjara ;

(c) mana-mana orang lain yang menjalankan tugas-tugas pengawal atau penjaga di sesebuah tempat terkawal, perlantikan siapa telah sama ada dibenarkan dengan khasnya atau amnya oleh Pesuruhjaya Polis.

(9) Tiada sebarang perempuan boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seseorang perempuan.

34. Pegawai yang memerintah sesebuah Daerah Polis boleh dengan perintah bertulis menyingkirkan mana-mana orang atau orang-orang dari Daerah Polis di bawah pemerintahannya atau dari mana-mana bahagian daripadanya, jika Daerah atau bahagian sedemikian terletak di dalam sesebuah kawasan keselamatan.

Penyingkirkan orang-orang.

35. (1) Pesuruhjaya Polis boleh, dengan perintah menentukan keseluruhan atau sebahagian dari sesebuah kawasan keselamatan, sebagai sebuah kawasan di bawah perintah berkurung.

Perintah berkurung.

(2) Tiap-tiap orang di dalam sesebuah kawasan yang di bawah perintah berkurung hendaklah berada di dalam rumah, atau di dalam suatu bahagian dari kawasan yang di bawah perintah berkurung yang mungkin ditentukan dalam perintah itu, di antara jam-jam yang mungkin ditetapkan dalam perintah itu, melainkan mempunyai surat kebenaran bertulis bagi maksud itu yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai polis berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat merinyu.

(3) Tiada sebarang perintah di bawah bab ini boleh dikenakan kepada —

(a) mana-mana anggota dari sesebuah pasukan keselamatan apabila bertindak semasa menjalankan tugasnya ;

(b) mana-mana orang atau golongan orang-orang yang dikecualikan dari syarat-syarat perintah sedemikian oleh Pesuruhjaya Polis atau pegawai yang memerintah Daerah Polis.

36. (1) Menteri boleh jika difikirkannya perlu atau mustahak berbuat demikian bagi kepentingan-kepentingan keselamatan awam, atau bagi penempatan mana-mana pasukan keselamatan, mengambil milik mana-mana tanah atau mana-mana bangunan atau sebahagian dari sesebuah bangunan di dalam mana-mana kawasan keselamatan dan boleh memberi arahan-arahan yang difikirkannya perlu atau mustahak berkaitan dengan pengambilan milik tanah atau bangunan itu.

Kuasa untuk mengambil milik tanah atau bangunan-bangunan.

(2) Mana-mana pegawai polis boleh mengambil langkah-langkah dan menggunakan kekerasan yang difikirkannya dengan munasabah perlu bagi memastikan pematuhan arahan-arahan yang telah diberikan kepada mana-mana orang di bawah ceraian (1).

(3) Semasa mana-mana tanah atau bangunan di dalam milik Menteri dengan kuatkuasa bab ini, maka tanah atau bangunan itu boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang sekatan yang dikenakan ke atas penggunaannya (sama ada oleh sebarang undang-undang bertulis atau suratcara lain atau dengan jalan lain), digunakan oleh, atau dengan kebenaran, Menteri bagi maksud, dan secara, sebagaimana yang Menteri fikirkan mustahak bagi kepentingan-kepentingan keselamatan awam atau bagi penempatan mana-mana pasukan keselamatan ; dan Menteri, selagi difikirkannya perlu atau mustahak berkaitan dengan pengambilan milik atau penggunaan tanah atau bangunan itu pada menurut ceraian ini boleh —

(a) melakukan, atau membenarkan orang-orang yang menggunakan tanah atau bangunan yang disebutkan tadi untuk melakukan, berkaitan dengan tanah atau bangunan tersebut, apa pun juga yang mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam tanah atau bangunan itu akan berhak melakukan oleh sebab kepentingan itu ; dan

(b) dengan perintah membuat syarat bagi melarang atau menyekat dari menjalankan hak-hak jalan melalui tanah atau bangunan itu, dan hak-hak lain yang berhubung dengannya yang dinikmati oleh mana-mana orang, sama ada oleh sebab sesuatu kepentingan dalam tanah atau lain.

(4) Tuan punya atau penghuni mana-mana tanah atau bangunan hendaklah, jika dipinta oleh atau bagi pihak Menteri untuk berbuat demikian, memberikan kepada pihak berkuasa atau orang yang mungkin dinyatakan dalam permintaan itu apa-apa maklumat yang ada padanya berhubung dengan tanah atau bangunan itu (iaitu maklumat yang mungkin dituntut dengan munasabah daripadanya berkaitan dengan perlaksanaan bab ini) yang mungkin dinyatakan demikian.

(5) Bagi maksud-maksud bab ini maka hendaklah diadakan sebuah jawatankuasa penasihat atau lebih yang terdiri dari orang-orang yang dilantik oleh Menteri ; dan mana-mana jawatankuasa sedemikian boleh membuat aturan-aturan bagi menjalankan urusan-urusannya.

(6) Sesiapa jua yang tidak puas hati oleh sebab pengambilan milik mana-mana tanah atau bangunan di bawah syarat-syarat bab ini boleh dalam tempoh 14 hari selepas pemilikan sedemikian telah diambil memberi notis tentang bantahannya terhadapnya kepada sesebuah jawatankuasa penasihat yang dilantik di bawah ceraian (5).

(7) Pengerusi sesebuah jawatankuasa penasihat kepada siapa notis sedemikian telah diberikan oleh seseorang yang tidak puas hati hendaklah memaklumkan sesiapa jua bagi pihak siapa pemilikan tanah atau bangunan itu telah diambil, dan jawatankuasa penasihat hendaklah sesudah itu menimbangkan bantahan yang dibuat oleh orang yang tidak puas hati dan apa jua alasan yang mungkin dikemukakan terhadap bantahan-bantahan itu oleh orang yang bagi pihak siapa pemilikan sedemikian telah diambil, dan hendaklah menghadapkan sokongan-sokongannya kepada Menteri.

(8) Menteri setelah menimbangkan sokongan-sokongan jawatankuasa penasihat itu hendaklah memberikan arahan-arahan terhadapnya yang mungkin difikirkannya patut.

37. (1) Jika di dalam mana-mana kawasan keselamatan mana-mana bangunan atau binaan adalah terbiar tidak didiami oleh sebab kuatkuasa mana-mana perintah yang dibuat di bawah Penggal ini, maka pegawai yang memerintah Daerah Polis dalam mana bangunan atau binaan sedemikian terletak boleh, jika difikirkannya —

Kuasa untuk
memerintah-
kan
pemusnahan
bangunan-
bangunan
tertentu yang
tidak
didiami.

(a) mungkin bangunan atau binaan itu akan jika dibiarkan begitu sahaja digunakan oleh mana-mana orang atau orang-orang yang bertujuan, atau kira-kira, akan melakukan perbuatan atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan awam atau oleh mana-mana orang lain

siapa yang mungkin akan melindungi mana-mana orang sedemikian ; dan

(b) tidak praktik dengan apa pun jua jalan lain untuk menghindar penggunaan sedemikian,

memusnahkan atau membenarkan pemusnahan bangunan atau binaan sedemikian.

(2) Pampasan hendaklah dibayar berkaitan dengan pemusnahan mana-mana bangunan atau binaan di bawah bab ini jika pihak menuntut memuaskan Menteri bahawa —

(a) bangunan atau binaan sedemikian telah didirikan oleh atau dengan persetujuan orang yang berhak di sisi undang-undang terhadap tanah di atas mana bangunan atau binaan itu telah didirikan ; dan

(b) bangunan atau binaan sedemikian telah tidak boleh dikenakan perampasan di bawah sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53.

Dengan syarat bahawa pampasan boleh dibayar kepada tuan punya atau penghuni mana-mana bangunan atau binaan yang telah didirikan oleh atau dengan persetujuan orang yang berhak di sisi undang-undang terhadap tanah di atas mana ianya telah didirikan, dengan tidak menghiraukan bahawa bangunan atau binaan sedemikian boleh dikenakan perampasan di bawah sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53, jika tuan punya atau penghuni tersebut memuaskan Menteri bahawa bangunan atau binaan itu telah digunakan oleh orang-orang yang bertujuan, atau kira-kira, akan melakukan perbuatan atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan, secara yang memudaratkan keselamatan awam atau bahawa orang-orang tersebut sedang atau telah dilindungi oleh pekerja atau wakilnya, mengikut mana yang berkenaan, tanpa pengetahuan atau persetujuannya, dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sepatutnya untuk mencegah bangunan atau binaan itu digunakan demikian atau perlindungan orang-orang tersebut mengikut mana yang berkenaan.

(3) Apa jua pampasan yang kena dibayar di bawah bab ini hendaklah ditaksir menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53.

38. (1) Mana-mana pegawai yang memerintah sesebuah Daerah Polis atau sesiapa jua yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh mana-mana pegawai tersebut boleh dengan perintah, atau dengan memberi arahan-arahan, atau dengan apa jua cara lain, mengatur, menyekat, mengawal atau melarang penggunaan sebarang jalan raya atau terusan di dalam mana-mana kawasan keselamatan oleh mana-mana orang atau golongan orang-orang atau apa jua kenderaan atau kapal atau jenis atau rupa kenderaan atau kapal atau menutup sebarang jalan raya atau terusan di dalam kawasan tersebut.

Kuasa untuk mengawal jalan raya-jalan raya, dll.

(2) Mana-mana pegawai yang memerintah sesebuah Daerah Polis boleh, dengan pengeluaran surat-surat kebenaran kepada mana syarat-syarat mungkin dikenakan atau dengan apa jua cara lain, mengatur, menyekat, mengawal atau melarang perjalanan oleh mana-mana orang atau golongan orang-orang di dalam sebarang motokar, bas atau kenderaan jenis apa pun jua di dalam mana-mana kawasan keselamatan, dan boleh serupa jua mengatur, menyekat, mengawal atau melarang perjalanan oleh mana-mana orang di dalam sebarang kapal di dalam kawasan tersebut.

39. (1) Semasa bertugas, mana-mana pegawai polis berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat kopral atau mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain berpangkat atau lebih tinggi dari kelas atau pangkat kelasi kanan atau pegawai yang tidak bertauliah (mengikut mana yang berkenaan) atau sesiapa jua yang telah diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pegawai memerintah Daerah Polis itu boleh merampas apa jua beras atau apa jua barang makanan lain di dalam mana-mana kawasan keselamatan yang mana oleh sebab banyaknya atau kedudukannya boleh atau mungkin akan atau boleh dapat dipergunakan oleh sesiapa jua yang bertujuan atau kira-kira akan melakukan perbuatan atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri.

Kuasa untuk merampas beras dan makanan lain.

(2) Mana-mana pegawai polis tersebut atau anggota dari mana-mana pasukan seperti yang disebutkan tadi boleh tanpa waran memasuki dan menggeledah mana-mana

mana tempat jika ia mensyaki bahawa apa jua beras atau apa jua makanan yang boleh dikenakan rampasan di bawah bab ini mungkin akan dijumpai di tempat itu.

(3) Semasa bertugas mana-mana pegawai polis atau mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain atau sesiapa jua yang diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pegawai yang memerintah Daerah Polis itu boleh menahan dan menggeledah sebarang kenderaan, kapal atau individu di dalam mana-mana kawasan keselamatan, sama ada di tempat awam atau bukan, jika ia mensyaki bahawa apa jua beras atau apa jua makanan yang boleh dikenakan perampasan di bawah bab ini mungkin akan dijumpai di dalam kenderaan, kapal atau pada individu tersebut.

(4) Tiada sebarang perempuan boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seseorang perempuan.

Penggal III

Kesalahan-kesalahan berhubung dengan kawasan-kawasan keselamatan

Kesalahan-kesalahan berhubung dengan senjata-senjata api, peluru dan bahan-bahan peledak.

40. (1) Sesiapa jua yang tanpa alasan yang sah, yang mana beban membuktikannya adalah terletak pada orang itu, di dalam mana-mana kawasan keselamatan membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya —

(a) apa jua senjata api tanpa kebenaran yang sah terhadapnya ; atau

(b) apa jua peluru atau bahan peledak tanpa kebenaran yang sah terhadapnya,

adalah bersalah : Hukuman, hukum mati.

(2) Seseorang itu adalah dianggap mempunyai kebenaran yang sah bagi maksud-maksud bab ini hanya jika ia —

(a) adalah seorang anggota dari mana-mana pasukan keselamatan, atau seorang pegawai penjara, dan dalam tiap-tiap perkara sedemikian adalah membawa atau

memiliki atau mempunyai di bawah kawalannya senjata api, peluru atau bahan peledak tersebut dalam pada atau berkaitan dengan perlaksanaan tugasnya ; atau

(b) adalah seseorang yang telah dilesenkan dengan sewajarnya, atau dibenarkan tanpa sesuatu lesen, di bawah syarat-syarat dari sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa itu untuk membawa, memiliki atau mempunyai di bawah kawalannya senjata api, peluru atau bahan peledak tersebut ; atau

(c) adalah seseorang yang dikecualikan dari syarat-syarat bab ini, atau adalah seorang ahli dari mana-mana golongan orang-orang yang dikecualikan demikian, oleh Pesuruhjaya Polis dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* :

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh dianggap mempunyai kebenaran yang sah bagi maksud-maksud bab ini atau terkecuali dari bab ini jika ia membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya apa jua senjata api, peluru atau bahan peledak tersebut bagi maksud menggunakananya secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri.

(3) Seseorang itu adalah dianggap mempunyai alasan yang sah bagi maksud-maksud bab ini hanya jika ia membuktikan —

(a) bahawa ia telah memperolehi senjata api, peluru atau bahan peledak itu dengan cara yang sah di sisi undang-undang dan bagi maksud yang sah di sisi undang-undang ; dan

(b) bahawa ia telah tidak pada bila-bila masa semasa membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya senjata api, peluru atau bahan-bahan peledak itu, melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri.

(4) Seseorang yang dituduh melakukan kesalahan terhadap bab ini tidak boleh diberi jaminan.

Bergaul dengan orang-orang yang membawa atau memiliki senjata-senjata api atau bahan-bahan peledak.

41. (1) Sesiapa jua yang di dalam mana-mana kawasan keselamatan bergaul dengan atau didapati menemani seorang lain yang membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya apa jua senjata api, peluru atau bahan peledak dengan melanggar syarat-syarat bab 40, dalam keadaan yang menimbulkan sangkaan yang munasabah bahawa ia bertujuan, atau kira-kira, akan melakukan perbuatan, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan, dengan orang lain itu secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri adalah bersalah : Hukuman, hukum mati atau penjara seumur hidup.

(2) Sesiapa jua yang di dalam mana-mana kawasan keselamatan bergaul dengan, atau didapati menemani, seorang lain yang membawa atau mempunyai pada miliknya, atau di bawah kawalannya apa jua senjata api, peluru atau bahan peledak dengan melanggar syarat-syarat bab 40, dalam keadaan yang menimbulkan sangkaan yang munasabah bahawa ia tahu yang orang lain itu telah membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya apa jua senjata api, peluru atau bahan peledak tersebut, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 10 tahun.

(3) Jika, dalam apa jua pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah bab ini, adalah dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah bahawa orang yang dituduh itu telah bergaul dengan atau menemani sesiapa jua yang telah membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya apa jua senjata api, peluru atau bahan peledak, maka hendaklah dianggap, sehingga sebaliknya dibuktikan, bahawa orang yang terakhir disebutkan itu telah membawa atau mempunyai pada miliknya atau di bawah kawalannya senjata api, peluru atau bahan peledak tersebut dengan melanggar syarat-syarat bab 40.

Bekalan-bekalan.

42. (1) Sesiapa jua yang sama ada di dalam atau di luar kawasan keselamatan menuntut, memungut atau menerima apa jua bekalan daripada mana-mana orang lain dalam keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa ia bertujuan, atau berkira-kira, akan melakukan perbuatan, atau baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan,

secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri, atau bahawa bekalan-bekalan yang dituntut, dipungut atau diterima demikian adalah dimaksudkan bagi kegunaan sesiapa jua yang bertujuan atau kira-kira, akan melakukan perbuatan demikian, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan sedemikian, atau bagi kegunaan mana-mana pengganas, adalah bersalah : Hukuman, penjara seumur hidup.

(2) Sesiapa jua yang sama ada di dalam atau di luar kawasan keselamatan didapati memiliki apa jua bekalan terhadap mana ia tidak dapat menerangkan dengan memuaskan dalam keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa bekalan-bekalan tersebut adalah dimaksudkan bagi kegunaan sesiapa jua yang bertujuan, atau berkira-kira, akan melakukan perbuatan, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan, secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri, atau bahawa bekalan-bekalan tersebut adalah dimaksudkan bagi kegunaan mana-mana pengganas, adalah bersalah : Hukuman, penjara seumur hidup.

(3) Sesiapa jua yang sama ada di dalam atau di luar kawasan keselamatan memberi, sama ada dengan secara langsung, atau tidak langsung, apa jua bekalan kepada mana-mana orang lain dalam keadaan yang menimbulkan anggapan yang munasabah bahawa orang lain itu bertujuan, atau berkira-kira akan melakukan perbuatan, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan, secara yang memudaratkan keselamatan awam atau pemeliharaan ketenteraman dalam negeri, atau bahawa bekalan-bekalan tersebut yang telah diberikan itu adalah dimaksudkan bagi kegunaan sesiapa jua yang bertujuan atau berkira-kira, akan melakukan perbuatan demikian, atau telah baharu-baharu sahaja melakukan perbuatan sedemikian, atau bahawa bekalan-bekalan tersebut adalah dimaksudkan bagi kegunaan mana-mana pengganas, adalah bersalah : Hukuman, penjara seumur hidup :

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan sebarang kesalahan terhadap ceraian ini jika ia membuktikan bahawa sebelum didakwa atau dituduh melakukan kesalahan

tersebut oleh seseorang pegawai polis atau seseorang yang berkuasa ia telah memberikan dengan secara sukarela maklumat sepenuhnya mengenai kesalahan tersebut kepada seseorang pegawai polis.

(4) Dalam sebarang dakwaan kerana sesuatu kesalahan terhadap mana-mana syarat dari bab ini adalah tidak perlu untuk menyatakan orang atau orang-orangnya daripada siapa apa jua bekalan telah dituntut, dipungut atau diterima atau kepada siapa jua apa jua bekalan telah diberikan atau dimaksudkan akan diberikan.

Kegagalan untuk melaporkan kesalahan-kesalahan atau memberi maklumat.

43. Sesiapa jua yang, sama ada di dalam atau di luar kawasan keselamatan, semasa sebarang pemasyhuran di bawah bab 30 berkuatkuasa —

(a) mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang lain telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini gagal melaporkannya kepada seseorang pegawai polis ; atau

(b) mempunyai pada miliknya apa jua maklumat tentang pergerakan-pergerakan yang ada atau yang dicadangkan atau di mana beradanya sesiapa jua yang ia tahu atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai sebagai seorang pengganas gagal melaporkannya kepada seseorang pegawai polis,

adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 10 tahun :

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun boleh disabitkan sebarang kesalahan terhadap bab ini jika ia membuktikan bahawa, sebelum didakwa atau dituduh melakukan kesalahan tersebut oleh seseorang pegawai polis atau seorang yang berkuasa, ia telah memberikan dengan secara sukarela maklumat sepenuhnya mengenai kesalahan lain itu atau mengenai pergerakan-pergerakan tersebut atau di mana beradanya kepada seseorang pegawai polis.

44. (1) Dengan tidak menyentuh perjalanan kuatkuasa Penggal-Penggal V dan XXIII dari Kanun Hukuman Jenayah, sesiapa jua yang, sama ada di dalam atau di luar sesebuah kawasan keselamatan, mencuba melakukan atau melakukan sebarang perbuatan sebagai persediaan sebelum melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini hendaklah dianggap bersalah melakukan kesalahan itu terhadap Bahagian ini.

Percubaan
melakukan
kesalahan-
kesalahan
dan
membantu
pesalah-
pesalah.
Penggal 22.

(2) Tiada sebarang orang pun, yang mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang lain telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini, boleh memberikan orang lain itu sebarang bantuan, sama ada di dalam atau di luar sesebuah kawasan keselamatan, dengan tujuan melalui pemberian itu akan mencegah, menghalang atau mengganggu penangkapan, perbicaraan atau hukuman orang itu kerana kesalahan itu.

45. Sesiapa jua yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana syarat dari Bahagian ini, atau sebarang perintah yang telah dibuat atau arahan yang telah diberikan atau kehendak yang telah dikenakan di bawahnya atau, sama ada di dalam atau di luar sesebuah kawasan keselamatan, bersubahat dalam pelanggaran sedemikian atau kegagalan sedemikian terhadap mana tidak ada hukuman khas yang dipersyaratkan (dengan tidak menghiraukan sebarang syarat khas yang terkandung di dalam Bahagian ini atau di dalam sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53) adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak \$5,000.

Subahat dan
hukuman
am.

Penggal IV

Kuasa-kuasa Polis dan lain-lain

46. (1) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap sesiapa jua yang didapati atau disyaki dengan munasabah melakukan atau cuba melakukan atau menyebabkan atau bersubahat dengan sesiapa jua untuk melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini.

Penangkapan.

(2) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis oleh ceraian (1) boleh dijalankan oleh mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain, oleh sesiapa jua yang menjalankan tugas-tugas pengawal atau penjaga di dalam sesebuah tempat terkawal, dan oleh mana-mana orang lain yang telah diberi kuasa pada amnya bagi maksud itu oleh Pesuruhjaya Polis.

Kuasa-kuasa
mengeledah.

47. (1) Semasa bertugas mana-mana pegawai polis atau mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain atau sesiapa jua yang diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pegawai memerintah sesebuah Daerah Polis, boleh tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan menahan dan mengeledah apa jua kenderaan, kapal, pesawat terbang atau individu, sama ada di sesebuah tempat awam atau bukan, jika ia mensyaki bahawa apa jua barang atau bahan yang menjadi keterangan bagi melakukan sesuatu kesalahan terhadap Bahagian ini mungkin akan dijumpai di dalam kenderaan, kapal atau pesawat terbang atau individu tersebut, dan boleh merampas apa jua barang atau bahan yang dijumpai itu.

(2) Semasa bertugas mana-mana pegawai polis berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat kopral atau mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain yang berpangkat atau lebih tinggi dari kelas atau pangkat kelasi kanan atau pegawai yang tak bertauliah (mengikut mana yang berkenaan) atau sesiapa jua yang telah diberi kuasa berbuat demikian oleh pegawai yang memerintah sesebuah Daerah Polis boleh tanpa waran dan dengan atau tanpa bantuan memasuki dan mengeledah sebarang bangunan atau tempat jika ia mensyaki bahawa apa jua barang atau bahan yang menjadi keterangan bagi melakukan sebarang kesalahan terhadap Bahagian ini mungkin akan dijumpai di bangunan atau tempat tersebut dan boleh merampas apa jua barang atau bahan yang dijumpai itu.

(3) Tiada sebarang perempuan boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seseorang perempuan.

Kuasa untuk
meniadakan
inkues.

48. Dengan tidak menghiraukan apa pun jua yang berlawanan di dalam sebarang undang-undang bertulis, di dalam mana-mana kawasan keselamatan —

(a) seseorang majistret atau koroner boleh meniadakan daripada dilakukan sesuatu inkues ke atas mayat mana-mana anggota dari sesebuah pasukan keselamatan ; dan

(b) jika majistret atau koroner yang bertanggungjawab melakukan sesuatu inkues ke atas mayat sesiapa jua adalah berpuashati bahawa orang itu telah dibunuh di dalam sesebuah kawasan keselamatan akibat dari gerakan-gerakan oleh mana-mana pasukan keselamatan bagi maksud menindas kekerasan yang tersusun, maka majistret atau koroner, mengikut mana yang berkenaan, boleh meniadakan daripada dilakukan sesuatu inkues ke atas mayat orang tersebut.

49. Penggal XXX dan bab 380A dari Kanun Peraturan Jenayah adalah, berkaitan dengan apa jua inkues mengenai apa jua kematian di dalam mana-mana kawasan keselamatan, mempunyai kuatkuasa seolah-olah sebutan yang di dalamnya berkenaan dengan seseorang pegawai perubatan Kerajaan dan seseorang pegawai perubatan termasuk sebutan dalam tiap-tiap perkara itu kepada seseorang pegawai perubatan dari mana-mana pasukan keselamatan apabila bertindak dalam menjalankan tugasnya :

Pegawai-pegawai Perubatan dari pasukan-pasukan keselamatan akan dianggap sebagai pegawai-pegawai perubatan bagi maksud-inkues.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang pegawai perubatan dari sesebuah pasukan keselamatan boleh, tanpa persetujuannya, dikehendaki oleh mana-mana perintah atau lain untuk melakukan pemeriksaan mayat (post-mortem) ke atas mana-mana mayat.

Penggal V

Am

50. (1) Jika dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 36 atau oleh sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53, pemilikan mana-mana tanah, bangunan atau binaan lain atau mana-mana harta alih atau apa jua ruang atau tempat di dalam mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat terbang adalah diambil, maka pampasan

berkaitan dengan pemilikan sedemikian hendaklah ditaksir menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53.

(2) Bagi mengelakkan keraguan maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tiada sebarang pampasan boleh dibayar kepada sesiapa jua berkaitan dengan sebarang kerosakan atau kecederaan kepada dirinya atau hartabenda yang telah disebabkan oleh atau berikutan dengan apa jua tindakan yang dibenarkan oleh Bahagian ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 53, melainkan syarat bagi pampasan sedemikian ada dibuat oleh Bahagian ini atau sebarang peraturan-peraturan sedemikian.

Pemakaian
bab 94 dari
Kanun
Hukuman
Jenayah.
Penggal 22.

51. Bab 94 dari Kanun Hukuman Jenayah (yang berhubung dengan sesuatu tindakan terhadap mana seseorang itu dipaksa dengan ugutan) adalah mempunyai kuatkuasa seolah-olah sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati di bawah Bahagian ini adalah satu kesalahan terhadap Negara yang boleh dikenakan hukum bunuh yang termasuk di dalam Penggal VI dari Kanun Hukuman Jenayah.

Perluasan
hak mempertahankan
diri.

52. Hak mempertahankan diri bagi hartabenda yang diberikan oleh bab 103 dari Kanun Hukuman Jenayah hendaklah dianggap diperluaskan kepada sebarang khianat dengan pembakaran atau letupan yang dilakukan ke atas sesebuah kenderaan bermotor di dalam mana-mana kawasan keselamatan, seperti ianya digunakan terhadap pengkhianatan dengan pembakaran yang dilakukan ke atas sesebuah bangunan yang digunakan sebagai tempat kediaman manusia atau sebagai tempat bagi penyimpanan hartabenda.

Penggal VI

Peraturan-peraturan

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

53. (1) Apabila satu pemasyhuran telah dibuat di bawah bab 30 maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat, berkaitan dengan mana-mana kawasan keselamatan, apa jua peraturan-peraturan yang Baginda memikirkan perlu bagi keselamatan awam.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang disebutkan tadi, peraturan-peraturan boleh dibuat di bawah ceraian (1) berkaitan dengan —

- (a) penaksiran dan pembayaran ganjaran, pam-pasan dan elauh-elauh berkaitan dengan sebarang perbuatan yang dilakukan di bawah Akta ini atau sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau berkaitan dengan sebarang kecederaan yang disebabkan oleh atau akibat dari mana-mana pemasyhuran di bawah bab 30.;
- (b) penyekatan pergerakan orang-orang di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;
- (c) perarakan-perarakan dan perjumpaan-perjumpaan di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;
- (d) pembekalan dan pembahagian makanan, air, bahan bakar, lampu dan keperluan-keperluan lain di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;
- (e) pengisytiharan pagar-pagar atau rintangan-rintangan yang mengelilingi mana-mana kawasan di dalam sesebuah kawasan keselamatan sebagai pagar-pagar sempadan, dan pengaturan lalu-lintas dan bekalan-bekalan daripada dalam atau luar mana-mana kawasan sedemikian ;
- (f) penghalauan orang-orang yang menduduki tanah secara haram di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;
- (g) perampasan, pendudukan dan perlucutan hak tanah, bangunan-bangunan dan binaan-binaan lain dan harta alih di dalam mana-mana kawasan keselamatan yang dipunyai atau digunakan oleh orang-orang yang bertujuan atau kira-kira akan melakukan perbuatan atau telah melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan awam Negara Brunei Darussalam, atau dipunyai atau digunakan oleh orang-orang yang melindungi atau telah melindungi atau melalui pekerja-pekerja atau wakil-wakil mereka yang melindungi atau telah melindungi mana-mana orang tersebut ;

(h) pengambilan, pengawalan, perlucutan hak, pelupusan dan penggunaan hartabenda di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(i) penuntutan ruang atau tempat di dalam mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat terbang di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(j) pemusnahan bangunan-bangunan dan binaan-binaan lain di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(k) pembersihan tanah-tanah di dalam mana-mana kawasan keselamatan dan mendapatkan kembali harga-harga dan bayaran pampasan berkaitan dengan pembersihan tersebut ;

(l) pembayaran baksis-baksis kepada pekerja-pekerja yang cedera atau kepada tanggungan-tanggungan pekerja-pekerja yang terbunuh oleh perbuatan-perbuatan keganasan di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(m) penyekatan dan larangan di dalam mana-mana kawasan keselamatan barang-barang makanan dan bekalan-bekalan lain ;

(n) pendaftaran orang-orang atau apa jua golongan orang-orang dan kawalan pekerjaan-pekerjaan dan perusahaan-perusahaan di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(o) pengubahsuaian, pindaan, penggantian atau penggantungan syarat-syarat dari sebarang undang-undang bertulis yang pada masa itu berkuatkuasa di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(p) kemasukan ke dalam dan penggeledahan mana-mana bangunan atau tempat dan penangkapan, pemeriksaan dan penyoalan orang-orang di dalam mana-mana kawasan keselamatan ;

(q) pembentukan tribunal dan badan-badan lain bagi maksud memutuskan apa jua perkara yang dinyatakan

dalam peraturan-peraturan tersebut, tetapi tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengenakan denda-denda atau penjara ;

(r) penentuan bayaran-bayaran dan pembayaran-pembayaran lain ;

(s) apa jua perkara lain berkaitan dengan mana adalah pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan perlu bagi kepentingan-kepentingan keselamatan awam supaya peraturan-peraturan patut dibuat.

(3) Apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini boleh mempersyaratkan supaya sesuatu pelanggaran terhadapnya boleh dikenakan hukuman penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak \$5,000.

(4) Apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini hendaklah —

(a) kecuali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengarahkan, berjalan kuatkuasanya pada tarikh peraturan-peraturan itu dibuat, dan hendaklah selepas itu terus berkuatkuasa selagi pemasyhuran di bawah bab 30 itu berkuatkuasa, melainkan dimansuhkan lebih awal lagi ; dan

(b) mempunyai kuatkuasa hanya di dalam kawasan atau kawasan-kawasan keselamatan kepada mana pemasyhuran tersebut dikenakan.

(5) Semua undang-undang kecil di bawah Bahagian ini yang berkuatkuasa di dalam mana-mana kawasan keselamatan sebaik sahaja sebelum pembatalan pemasyhuran di bawah bab 30 yang dikenakan kepada kawasan sedemikian adalah tidak lagi mempunyai kuatkuasa di dalam kawasan sedemikian atas pembatalan tersebut, tetapi tidak menyentuh pengambilan atau penerusan sebarang tindakan berkaitan dengan apa pun jua yang telah dilakukan dahulu atau ditinggalkan untuk dilakukan, atau pembayaran sebarang pampasan atau elaun di bawahnya.

BAHAGIAN IV

SYARAT-SYARAT RAMPAIAN

Kesalahan-kesalahan yang membolehkan tangkapan dan jaminan.
Penggal 7.

Kuasa untuk menahan orang-orang yang disyaki.

54. (1) Tiap-tiap kesalahan terhadap Akta ini adalah kesalahan yang membolehkan tangkapan bagi maksud-maksud Kanun Peraturan Jenayah.

(2) Jaminan berkaitan dengan tiap-tiap kesalahan terhadap Akta ini hendaklah menurut budi bicara selain dari sesuatu kesalahan di bawah bab 40.

55. (1) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan sementara menunggu penyiasatan-penyelesaian sesiapa jua berkaitan dengan siapa ia mempunyai sebab untuk mempercayai —

(a) bahawa ada terdapat alasan-alasan yang akan menyebabkan penahanannya berpatutan di bawah bab 3 ; dan

(b) bahawa ia telah melakukan perbuatan atau kira-kira akan melakukan perbuatan atau mungkin akan melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian daripadanya.

(2) Mana-mana pegawai polis boleh tanpa waran menangkap dan menahan sementara menunggu penyiasatan-penyelesaian sesiapa jua, yang apabila disoal oleh pegawai itu tidak dapat memuaskan pegawai itu tentang pengenalannya atau tentang maksud-maksudnya ia berada di tempat di mana ianya dijumpai, dan siapa yang pegawai itu mensyaki telah melakukan perbuatan atau kira-kira akan melakukan perbuatan secara yang memudaratkan keselamatan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian daripadanya.

(3) Tiada seorang pun boleh ditahan di bawah bab ini selama sesuatu tempoh yang melebihi 24 jam kecuali dengan kebenaran seseorang pegawai polis yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penolong penguasa polis yang boleh memberarkan penahanan seseorang di bawah bab ini selama sesuatu tempoh yang tidak melebihi 48 jam kesemuanya.

(4) Dengan tidak menghiraukan ceraian (3), jika seseorang pegawai yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penguasa polis berpuashati bahawa penyiasatan-penyiasatan yang seperlunya tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 48 jam yang ditetapkan oleh ceraian itu maka ia boleh membenarkan penahanan selanjutnya mana-mana orang yang telah ditahan di bawah bab ini selama sesuatu tempoh lagi yang tidak melebihi 28 hari.

(5) Mana-mana pegawai yang memberi apa jua kebenaran di bawah ceraian (4) hendaklah dengan serta-merta melaporkan keadaan itu kepada Pesuruhjaya Polis ; dan jika kebenaran sedemikian membenarkan penahanan selama sesuatu tempoh yang melebihi 14 hari maka Pesuruhjaya Polis hendaklah dengan serta-merta melaporkan keadaan itu kepada Menteri.

(6) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis oleh ceraian-ceraian (1) dan (2) boleh dijalankan oleh mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan lain, oleh sesiapa jua yang melakukan tugas-tugas pengawal atau penjaga di dalam sesebuah tempat terkawal.

(7) Sesiapa jua yang ditahan di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini adalah dianggap sebagai dalam jagaan yang sah, dan boleh ditahan di dalam mana-mana penjara, atau di dalam mana-mana balai polis, atau di dalam mana-mana tempat lain yang serupa yang diberikan kebenaran am atau khas oleh Menteri.

56. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandung di dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain adalah sah bagi mana-mana pegawai polis supaya dapat —

(a) melakukan penangkapan sesiapa jua yang boleh dikenakan penahanan di bawah sebarang perintah yang dibuat di bawah bab 3 ;

(b) melakukan penangkapan sesiapa jua yang boleh dikenakan penangkapan dan penahanan di bawah bab 55(1) atau (2) ;

Penggunaan senjata-senjata yang boleh menyebabkan kematian dalam melakukan tangkapan-tangkapan.

(c) melakukan penangkapan sesiapa jua yang ia mempunyai, memandangkan keadaannya mengenai perkara itu, alasan-alasan yang munasabah bagi mengsyaki telah melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap mana-mana syarat dari sebarang undang-undang bertulis yang pada masa itu yang ditentukan dalam Jadual 2 ;

(d) mengatasi tentang keris yang diberikan oleh sesiapa jua terhadap penangkapan itu ; atau

(e) mencegah terlepasnya dari tangkapan atau penyelematan sesiapa jua yang telah ditangkap seperti yang disebutkan tadi,

untuk menggunakan kekerasan yang, memandangkan keadaan mengenai perkara itu, mungkin perlu dengan munasabah, kekerasan yang mana boleh diperluaskan sehingga penggunaan senjata-senjata yang membawa maut.

(2) Tiap-tiap orang yang telah ditangkap kerana mana-mana dari kesalahan-kesalahan yang disebutkan dalam ceraian (1) hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas penangkapannya diberi amaran dengan jelasnya tentang kemungkinannya akan ditembak sekiranya ia cuba melepaskan diri dari jagaan.

(3) Kuasa-kuasa yang diberikan kepada seseorang pegawai polis oleh ceraian (1) boleh dijalankan oleh mana-mana anggota dari sebarang pasukan keselamatan yang lain dan oleh sesiapa jua yang melakukan tugas-tugas pengawal atau penjaga di dalam sesebuah tempat terkawal, dan oleh mana-mana orang lain yang telah diberi kuasa pada amnya bagi maksud itu oleh Pesuruhjaya Polis.

Penggal 22.

(4) Tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam bab ini boleh melemahkan hak mempertahankan diri yang terkandung di dalam bab-bab 96 hingga 106 dari Kanun Hukuman Jenayah.

57. (1) Jika sesiapa jua dituduh melakukan apa jua kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap sebarang undang-undang bertulis yang pada masa itu ditentukan dalam Jadual 3 apa

juar pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh dan sama ada semasa menjalankan sesuatu penyiasatan polis atau tidak dan sama ada keseluruhannya atau tidak atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran mana-mana pegawai polis yang berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat merinyu dan sama ada diterjemahkan kepadanya atau tidak oleh mana-mana pegawai polis lain atau mana-mana orang lain yang berkenaan atau tidak, dalam penangkapan itu, boleh dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandung di dalam sebarang undang-undang bertulis diterima di perbicaraannya sebagai keterangan dan, jika orang tersebut menawarkan dirinya sebagai saksi, maka apa juar pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebenarannya.

(2) Dengan tidak menyentuh ceraian (1), tiada sebarang pernyataan boleh diterima atau digunakan seperti yang disebutkan tadi di bawah ceraian itu —

(a) jika pembuatan pernyataan itu pada pendapat mahkamah telah disebabkan oleh apa juar dorongan, ugutan atau janji dengan mengambil kira tuduhan terhadap orang itu, yang dibuat oleh seorang yang berkuasa dan memadai pada pendapat mahkamah untuk memberikan orang itu alasan-alasan yang akan nampak kepadanya munasabah bagi menyangka bahawa dengan membuatnya ia akan memperolehi faedah atau mengelakkan sebarang keburukan keduniaan dengan mengambil kira perbicaraan terhadapnya ; atau

(b) berkenaan dengan sesuatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan mahkamah berpuashati bahawa amaran telah diberikan kepadanya dengan perkataan-perkataan yang berikut atau perkataan-perkataan yang sama maksudnya ;

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak diwajibkan

untuk mengatakan sesuatu atau untuk menjawab sebarang soalan, tetapi apa jua yang kamu katakan, sama ada sebagai jawapan kepada sesuatu soalan atau bukan, boleh diberikan sebagai keterangan” ;

Dengan syarat bahawa sesuatu pernyataan yang dibuat oleh sesiapa jua sebelum berkesempatan untuk memberikannya amaran tidak menjadikannya tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab tidak ada sebarang amaran telah diberikan jika ianya telah diberikan dengan secepat mungkin.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang berlawanan yang terkandung di dalam sebarang undang-undang bertulis seseorang yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan kepada mana ceraian (1) dikenakan adalah tidak terikat untuk menjawab sebarang soalan berhubung dengan kes itu selepas sesuatu amaran telah diberikan kepadanya di bawah ceraian 2(b).

Pemeriksaan
buku-buku
bank.

58. Menteri boleh, jika ia berpuashati bahawa apa jua keterangan mengenai berlakunya sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau terhadap sebarang undang-undang bertulis yang pada masa itu ditentukan dalam Jadual 3 mungkin akan didapati di dalam mana-mana buku bank, dengan perintah memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk memeriksa mana-mana buku sedemikian, dan seseorang pegawai polis yang telah diberi kuasa demikian boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, memasuki bank yang ditentukan dalam perintah tersebut dan memeriksa buku-buku bank yang disimpan di dalamnya, dan boleh mengambil salinan-salinan apa jua catatan di dalam mana-mana buku sedemikian.

Pelupusan
arta.

59. (1) Apa jua barang atau bahan yang sampai kepada milik seseorang pegawai polis di bawah bab 47 boleh dilupuskan menurut cara yang Pesuruhjaya Polis mungkin memerintahkan ; dan jika perintah sedemikian tidak dibuat berhubung dengan sebarang harta sedemikian maka ceraian (2) hendaklah dikenakan kepadanya.

Penggal 7.

(2) Tertakluk kepada ceraian (1) syarat-syarat dari Kanun Peraturan Jenayah berhubung dengan pelupusan

harta yang menjadi perkara sesuatu kesalahan hendaklah dikenakan kepada apa jua harta yang sampai kepada milik seseorang pegawai polis atau mana-mana orang lain yang mempunyai apa jua tugas berkaitan dengan perlaksanaan Akta ini yang mana pegawai atau orang tersebut mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai adalah menjadi keterangan mengenai berlakunya sesuatu kesalahan terhadap Akta ini ; dan berhubung dengan apa jua harta sedemikian apa jua sebutan di dalamnya berkenaan dengan seseorang pegawai polis adalah mempunyai kuatkuasa seolah-olah ianya termasuk sebutan berkenaan dengan mana-mana orang sedemikian.

(3) Tiada sebarang apa pun di dalam bab ini boleh dianggap akan menyentuh sebarang hak untuk menyimpan atau pelupusan harta yang mungkin wujud di dalam undang-undang selain dari syarat-syarat bab ini.

60. Dengan tidak menyentuh bidangkuasa Mahkamah Tinggi, sesebuah Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan sebarang kesalahan terhadap Akta ini, selain dari sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup, dan untuk mengenakan apa jua hukuman yang ditetapkan baginya yang tidak melebihi 3 tahun penjara dan denda sebanyak \$5,000.

Bidangkuasa
Mahkamah
Majistret.

61. Sesuatu pendakwaan kerana apa jua kesalahan terhadap Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali dengan persetujuan Pendakwa Raya :

Sekatan ke
atas
pendakwaan.

Dengan syarat bahawa —

(a) tertakluk kepada undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan peraturan jenayah, seseorang yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan itu boleh ditangkap, atau sesuatu waran bagi penangkapannya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan, dan mana-mana orang yang sedemikian boleh ditahan dalam jagaan atau diberi jaminan, dengan tidak menghiraukan bahawa persetujuan Pendakwa Raya terhadap permulaan sesuatu pendakwaan bagi kesalahan itu belum

diperolehi, tetapi kes itu tidak boleh diteruskan selanjutnya sehingga persetujuan itu telah diperolehi ; dan

(b) apabila seseorang dihadapkan di sesebuah mahkamah di bawah bab ini sebelum Pendakwa Raya memberikan persetujuan terhadap pendakwaan itu tuduhan hendaklah diterangkan kepadanya tetapi ia tidak boleh diminta memberikan pengakuan, dan undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan peraturan jenayah hendaklah diubahsuai sewajarnya.

Penyiaran
perintah-
perintah.

62. (1) Dengan tidak menyentuh bab 16 dari Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am, (yang berhubung dengan penyiaran), bilamana apa jua perintah, aturan atau peraturan dibuat atau suruhan atau arahan diberikan di bawah Akta ini, maka Menteri atau pihak berkuasa lain yang membuat perintah, aturan atau peraturan sedemikian atau memberi arahan atau suruhan sedemikian hendaklah menyebabkan notis bagi penguatkuasaannya supaya diberikan dengan seberapa segera yang boleh menurut cara yang ia fikirkan perlu bagi menyampaikannya kepada pengetahuan semua orang yang pada pendapatnya sepatutnya mengetahuinya, dan perintah, aturan, peraturan, arahan atau suruhan sedemikian hendaklah mempunyai kuatkuasa sebaik sahaja notis sepertimana yang disebutkan tadi telah diberikan, tanpa penyiaran dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Dengan tidak menyentuh sebarang syarat khas yang terkandung di dalam Akta ini, atau di dalam sebarang aturan-aturan atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, sesuatu notis yang akan disampaikan kepada sesiapa jua bagi maksud-maksud apa jua bab boleh disampaikan dengan meninggalkannya, atau dengan mengirimkannya dengan melalui pos dalam sepucuk surat yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediamannya yang terakhir atau yang biasa atau tempat perniagaannya.

(3) Apa jua perintah atau peraturan yang dibuat atau apa jua arahan atau suruhan yang diberikan di bawah Akta ini boleh pada bila-bila masa semasa perjalanannya dibatalkan

oleh orang yang berkuasa membuat perintah atau peraturan sedemikian atau memberikan arahan atau suruhan sedemikian, tetapi dengan tidak menyentuh sahnya yang dahulu itu atau sebarang apa yang telah dilakukan di bawahnya atau kuasa orang itu untuk membuat perintah atau peraturan baharu atau memberikan arahan atau suruhan baharu di bawah syarat-syarat tersebut.

63. Tiada sebarang apa pun di dalam Akta ini boleh menjaskan sebarang undang-undang lain berhubung dengan kesalahan-kesalahan jenayah :

Pengecua-
lian.

Dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun boleh dihukum dua kali bagi kesalahan yang sama.

64. Bagi mengelakkan keraguan adalah dengan ini diisyiharkan bahawa bab 36 dari Akta Tafsiran dan Perkara-perkara Am (yang mengandungi syarat-syarat mengenai dengan kesalahan-kesalahan di bawah dua undang-undang atau lebih) hendaklah dikenakan kepada Akta ini.

Pemakaian
bab 36 dari
Akta
Tafsiran dan
Perkara-
perkara Am.
Penggal 4.

65. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, meminda mana-mana Jadual.

Pindaan
Jadual-
Jadual.

66. Jika sesuatu perintah (selepas ini disebut sebagai “perintah peralihan”) dibuat di bawah bab 3(1)(a) berkaitan dengan seseorang yang, sebaik sahaja sebelum tarikh perintah itu mula berkuatkuasa, ditahan di bawah sesuatu perintah yang dibuat atau dibuat dan disambung di bawah Perintah 8 dari Perintah-Perintah Darurat, 1962, satu salinan perintah peralihan itu hendaklah disampaikan kepada orang itu dengan seberapa segera yang boleh selepas membuatnya, dan dalam semua perkara lain perintah peralihan itu hendaklah dianggap seolah-olah ianya satu arahan di bawah bab 3(2) yang menyambung perintah yang dahulu yang telah dibuat di bawah bab 3(1)(a), dan seolah-olah tempoh tahanannya (tidak melebihi 2 tahun) yang dibenarkan oleh perintah peralihan itu ialah tempoh selanjutnya terhadap mana perintah yang dahulu itu telah disambung oleh, dan daripada tarikh peralihan tersebut.

Syarat-syarat
peralihan.

E. 17/62

JADUAL 1

(Bab 3(3))

Perkhidmatan-perkhidmatan perlukan

1. Perkhidmatan-perkhidmatan air.
 2. Perkhidmatan-perkhidmatan elektrik.
 3. Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan awam.
 4. Perkhidmatan-perkhidmatan bomba.
 5. Perkhidmatan-perkhidmatan penjara.
 6. Perkhidmatan-perkhidmatan pos.
 7. Perkhidmatan-perkhidmatan telefon.
 8. Perkhidmatan-perkhidmatan telegraf.
 9. Perkhidmatan-perkhidmatan perhubungan radio, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan siaran radio dan televisyen.
 10. Perkhidmatan-perkhidmatan dan perusahaan-perusahaan pelabuhan, limbungan dan pangkalan kapal.
 11. Perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan awam melalui darat, laut atau udara.
 12. Pembahagian pukal bahan-bahan bakar dan minyak pelincir.

JADUAL 2

(Bab 56(1))

Undang-Undang Yang Ditetapkan

Penangkapan orang-orang yang disyaki dengan kekerasan

Kanun Hukuman Jenayah..... Bab-bab 435 dan 436 Penggal 22.

JADUAL 3

(Bab-bab 57 dan 58)

Undang-Undang Yang Ditetapkan

Penerimaan pernyataan-pernyataan dan pemeriksaan buku-buku bank

1. Akta Persatuan — Apa jua kesalahan di bawah bab 16, 17, 18 atau 21. *Penggal 66.*
 2. Akta Hasutan — Apa jua kesalahan di bawah Akta tersebut. *Penggal 24.*
 3. Akta Pendaftaran Kebangsaan — Apa jua kesalahan di bawah sebarang peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta tersebut. *Penggal 19.*
 4. Apa jua persubahatan atau percubaan melakukan apa jua kesalahan yang ditentukan dalam Jadual ini.